

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI RABU : 5 APRIL 2023

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ARMAN AZHA BIN ABU
HANIFAH
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam membantu pengusaha pusat peranginan di pulau-pulau yang terpaksa menutup perniagaan lebih daripada 3 bulan akibat musim tengkujuh.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa peka dengan perkembangan dan situasi semasa industri pelancongan di dalam negara yang terkesan dengan fenomena cuaca terutamanya pulau-pulau peranginan di kawasan Pantai Timur Semenanjung. Monsun Timur Laut atau juga dikenali sebagai musim tengkujuh kebiasaannya berlaku dari bulan November sehingga ke bulan Mac yang membawa hujan lebat dan banjir besar terutamanya kepada negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia, barat Sarawak dan timur Sabah.

2. Sepanjang tempoh musim tengkujuh, hampir kesemua resort dan hotel di pulau-pulau peranginan akan menghentikan sementara operasi untuk sebarang aktiviti pelancongan dan pengusaha pelancongan terbabit akan menggunakan tempoh ini untuk membaik pulih kerosakan dan menaiktaraf kemudahan serta fasiliti di tempat masing-masing. Dalam keadaan ini, MOTAC melaksanakan kursus/latihan secara *online* dalam usaha membantu pengusaha-pengusaha pelancongan ini untuk meningkatkan pengetahuan dalam pembangunan modal insan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH
SUFFIAN
TARIKH : 5 APRIL 2023

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menggalakkan perdagangan sempadan atau 'border trade' khususnya antara Sarawak dan Kalimantan yang boleh merancakkan ekonomi tempatan berikutan pemindahan ibu negara baharu Indonesia Nusantara dan limpahan daripada pemindahan ini dapat memakmurkan dan memajukan Sarawak sekaligus menyumbang pertumbuhan ekonomi Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana yang telah dijelaskan oleh YAB Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 7 Mac 2023, tumpuan Kerajaan Perpaduan terhadap pembangunan di Sabah dan Sarawak bukanlah semata-mata berlandaskan pemindahan lokasi Ibu Kota Negara (IKN) Republik Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan Timur sahaja. Sabah dan Sarawak merupakan negeri yang berpotensi tinggi dan terletak di lokasi yang strategik yang merupakan gerbang ke Asia Timur. Pemindahan IKN ini merupakan peluang bagi Malaysia menerima limpahan ekonomi daripada pembangunan IKN Nusantara sama ada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya bagi Sabah dan Sarawak.

Kerajaan Malaysia dan Indonesia juga sentiasa membincangkan perkara melibatkan kerjasama dua hala dan pelbagai hala berkenaan pembangunan wilayah sempadan negara dalam pelbagai platform, antaranya termasuklah Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA). Di bawah platform BIMP-EAGA ini, pelbagai perkara dibincangkan khususnya untuk meningkatkan kesaling-hubungan (*connectivity*) antara wilayah dan juga mengurangkan jurang kemiskinan antara penduduk wilayah BIMP-EAGA. Dalam hal ini, platform kerjasama subserantau ASEAN, iaitu BIMP-EAGA akan terus dimanfaatkan untuk memudah cara pembangunan di kawasan rentas sempadan.

Sebagai usaha untuk merealisasikan penglibatan syarikat-syarikat tempatan dalam pembangunan IKN Nusantara, MITI telah mengadakan satu sesi libat urus (*town hall*) di Kuala Lumpur pada 30 November 2022, melibatkan pemain-pemain industri dari Malaysia bersama pihak kerajaan Republik Indonesia yang terdiri daripada Otorita Ibu Kota Nusantara (OIKN) dan Kementerian Pekerjaan Umum dan Perumahan Rakyat Republik Indonesia. Semasa sesi libat urus tersebut, syarikat-syarikat dari Malaysia telah menyatakan minat untuk meneroka sektor ekopelancongan; farmaseutikal; bahan kimia; pembangunan hartanah; kawasan perindustrian; dan tenaga boleh diperbaharui. OIKN dan Kementerian Pekerjaan Umum dan Perumahan Rakyat Republik Indonesia sangat mengalukan minat tersebut dan menjemput syarikat-syarikat Malaysia untuk mengemukakan Surat Niat (*Letters of Intent*) untuk terlibat dalam pembangunan Nusantara.

Susulan itu, pada 8 Januari 2023, bersempena Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri ke Indonesia, 10 syarikat Malaysia telah menzahirkan kesungguhan dengan penyerahan 11 Surat Niat untuk mengambil bahagian dalam pembangunan IKN Nusantara yang meliputi sektor-sektor petrokimia dan oleo kimia, produk farmaseutikal, pengajian tinggi, dan penjagaan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi merancakkan aktiviti ekonomi di kawasan sempadan dan menikmati limpahan pembangunan IKN Nusantara, Kerajaan melalui Kementerian Ekonomi telah merangka beberapa inisiatif seperti menyediakan jaringan pengangkutan yang baik di kawasan Sarawak dan juga Sabah yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia. Ini juga

adalah selaras dengan perancangan dalam Bab 7 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), iaitu Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak dimana beberapa inisiatif yang telah dikenal pasti termasuk Ketersambungan Infrastruktur untuk Menggalakkan Hubungan Ekonomi yang Lebih Kukuh dengan Kalimantan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, kajian semula Perjanjian Perdagangan Sempadan, atau *Border Trade Agreement* (BTA), antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Indonesia yang ditandatangani pada tahun 1970, adalah pada masa ini di peringkat akhir. Kajian semula BTA ini bertujuan untuk memudah cara penduduk-penduduk di kawasan sempadan kedua-dua negara dalam mendapatkan barangan keperluan seharian. Ini secara langsung dapat menyumbang kepada peningkatan taraf sosio-ekonomi penduduk di kawasan sempadan Malaysia-Indonesia serta mengeratkan lagi hubungan perdagangan dua hala yang sedia ada khususnya di sempadan darat Malaysia dan Indonesia meliputi Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING
TARIKH : 5 APRIL 2023

PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bagaimanakah keadaan semasa pendapatan dan taraf kehidupan pekebun lada berskala kecil Malaysia dan apakah strategi-strategi yang dilaksanakan untuk menambah baik keadaan ekonomi mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik terkini, purata pendapatan bersih bulanan pekebun kecil lada berada pada sekitar RM1,351. Pada masa ini, taraf kehidupan mereka sedikit terjejas akibat ketidakpastian harga lada di pasaran selain terpaksa menghadapi isu kenaikan harga input pertanian seperti baja berikutan tercetusnya konflik Russia-Ukraine mulai awal tahun 2022 di mana bahan utama penghasilan baja terganggu akibat konflik yang berlaku.
2. Dalam hal ini, Kementerian melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) sedang mengambil beberapa strategi tertentu agar taraf kehidupan mereka dapat terus dipertingkatkan. Antaranya adalah dengan strategi menggalakkan pekebun menghasilkan lada premium seperti Lada Putih Krim dan lada bebas racun. Lada premium seperti ini dapat memberi pulangan harga yang lebih tinggi kepada pekebun berbanding lada gred biasa. MPB juga sedang menyediakan bantuan di bawah Projek Pembangunan Pengeluaran Lada Premium di mana pekebun layak menerima bantuan alat pemrosesan seperti pelera lada, *spiral separator*, pengayak lada dan lain-lain.
3. Selain itu, MPB juga turut menggalakkan pekebun kecil menanam dalam skala ekonomi yang besar iaitu sekurang-kurangnya 1 hektar ke atas untuk membolehkan pekebun mencapai skala ekonomi (*economics of scale*). Bagi menjayakan inisiatif ini, MPB melaksanakan Skim Tanaman Lada Baharu (STLB) yang membolehkan pekebun lada meluaskan kawasan tanaman dan Skim

NO SOALAN: 14

Tanaman Lada Matang (STLM) yang boleh membantu mereka menyelenggara kawasan tanaman lada di samping membantu mengurangkan bebanan yang dihadapi dengan kos input pertanian yang tinggi. Untuk makluman, sejumlah RM46,000 sehektar disalurkan di bawah STLB untuk tempoh dua (2) tahun dan sejumlah RM25,000 sehektar untuk tempoh setahun di bawah STLM.

4. MPB turut mendedahkan para pekebun lada dengan penghasilan produk-produk baja alternatif seperti baja kompos atau organik untuk membantu mengurangkan kos selain memperkenalkan tanaman integrasi yang sesuai ditanam bersama lada. Antara tanaman yang telah dikenal pasti ialah nenas dan jagung yang sesuai dijadikan sebagai tanaman selingan dengan lada bagi menambah pendapatan pekebun secara konsisten.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian dalam merencanakan semula industri pembinaan negara berikutan kos bahan binaan semakin tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Bajet 2023 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 24 Februari yang lalu telah menyenaraikan beberapa projek pembinaan yang dapat memastikan industri ini terus rancak demi kesejahteraan rakyat dan sektor ekonomi lain turut mendapat manfaatnya. Peruntukan untuk pembangunan telah meningkat sebanyak 32% kepada RM99 bilion berbanding Bajet 2022. Antara projek pembinaan yang diumumkan adalah:

1. pembinaan MRT3;
2. projek meningkatkan keupayaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Subang;
3. pembangunan Pelabuhan Sanglang di Perlis;
4. Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan *Sarawak-Sabah Link Road*;
5. projek prasarana awam yang melibatkan jalan negeri, jalan persekutuan, lampu jalan, jambatan, bekalan air dan elektrik;
6. penyelenggaraan dan pembaikan sekolah dan hospital;
7. Projek Rancangan Tebatan Banjir;

8. pembinaan dan penyelenggaraan perumahan awam; dan
9. projek meningkatkan jalinan telekomunikasi digital.

Adalah dianggarkan jumlah peruntukan yang disediakan bagi projek pembinaan bernilai sekitar RM94 bilion. Perbelanjaan tahunan Kerajaan akan terus menyediakan peluang kerja pembinaan melalui pelaksanaan projek baru di samping kerja-kerja penyelenggaraan aset dan kemudahan infrastruktur sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sumbangan industri pembinaan kepada KDNK bagi negara membangun seperti Malaysia berada sekitar 4%. Walau bagaimanapun, industri pembinaan berfungsi sebagai pemacu ekonomi utama di Malaysia yang menyumbang kepada negara melalui agenda pembangunan dari segi pembangunan sosial dan memenuhi keperluan dasar, infrastruktur dalam pelbagai sektor ekonomi yang lain. Berdasarkan rekod Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia, projek Kerajaan menyumbang sekitar 30% dan 70% oleh projek swasta. Pemaju swasta akan terus membangunkan sektor harta tanah (kediaman dan komersial) susulan cadangan pembangunan wilayah dan pempandaran baharu dengan mengambil manfaat daripada limpahan faedah pelaksanaan infrastruktur pengangkutan awam dan projek sosioekonomi Kerajaan.

Walau bagaimanapun, KKR telah melaksanakan langkah-langkah bagi membantu kelangsungan kontrak pembinaan kerajaan sedia ada seperti berikut:

1. Pelaksanaan Syarat Perubahan Harga atau *Variation of Price* (VOP) dalam kontrak kerja. Pelaksanaan Syarat Perubahan Harga ini telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perbendaharaan PK 2.4 'Pelaksanaan Syarat Perubahan Harga (Variation Of Price – VOP) dalam Kontrak Kerja yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2022.

2. Kerajaan melalui MOF telah menambahbaik pekeling tersebut melalui Pekeliling Baharu PK 2.22 'Pelaksanaan Syarat Perubahan Harga (Variation Of Price – VOP) dan Inisiatif Tambahan Kerajaan Pasca Pandemik dalam Kontrak Kerja Kerajaan (Pindaan pada 20 Disember 2022)' melibatkan skop kerja berikut:

(i) Kerja-kerja Kejuruteraan Awam - Pelaksanaan perubahan harga diperluaskan kepada semua jenis bahan binaan seperti yang dikeluarkan dalam Siaran Khas 1 oleh DOSM. Pengiraan perubahan harga adalah berasaskan kepada perubahan harga unit bagi sebelas (11) bahan binaan.

(ii) Kerja-kerja Binaan Bangunan - Pelaksanaan perubahan harga diperluaskan kepada lima belas (15) bahan binaan terpilih yang digunakan dalam lapan (8) kategori bangunan mengikut kawasan seperti yang dikeluarkan dalam Siaran Khas 2 oleh DOSM. Pengiraan perubahan harga adalah berasaskan kepada perubahan Indeks Kos lima belas (15) Bahan Binaan Bangunan termasuk bar keluli.

(ii) Kerja-Kerja Mekanikal dan Elektrikal - Pengiraan perubahan harga adalah berasaskan kepada Indeks Kos Komponen mengikut tujuh (7) kategori komponen utama seperti yang dikeluarkan dalam Siaran Khas 3 oleh DOSM.

Syarat perubahan harga bagi pelawaan secara sebut harga dan tender adalah termasuk Kerja-kerja Binaan Bangunan, Kerja-kerja Kejuruteraan Awam dan Kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal yang masih dalam pembinaan pada 1 Januari 2021 dan diberikan kepada projek yang mana Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan sehingga 30 Jun 2022. Pekeliling 2.22 ini berkuat kuasa sehingga 30 Jun 2023 sahaja iaitu bagi memuktamadkan Perjanjian Tambahan. Namun yang demikian, pelaksanaan VOP bagi projek yang tertakluk kepada VOP adalah sehingga kontrak tamat.

3. Melalui Pekeliling 2.22 ini juga, beberapa kemudahan khas VOP dan inisiatif tambahan telah diluluskan oleh Kerajaan bagi membantu kontraktor melaksanakan kontrak kerja Kerajaan pasca pandemik sepertimana berikut:

(a) Pembayaran kemajuan interim hendaklah lebih kerap iaitu melebihi satu (1) kali sebulan;

(b) Pelanjutan masa (EOT) dibenarkan bagi tempoh maksimum enam (6) bulan dari tempoh terakhir EOT tertakluk pada pertimbangan P.P. dengan permohonan oleh kontraktor; dan

(c) Bagi projek dengan melebihi 60% kemajuan kerja keseluruhan, 50% pelepasan Bon Pelaksanaan/Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) akan diberi;

Pelaksanaan kemudahan khas dan inisiatif ini tertakluk kepada syarat – syarat yang telah dinyatakan dalam Pekeliling tersebut.

4. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 14 Februari 2023 telah meluluskan penggunaan Jadual Kadar Kerja (JKK) Kejuruteraan Awam Dan Bangunan Tahun 2023 Dan Jadual Kadar Kerja (JKK) Elektrik Untuk Penyenggaraan Elektrik Dan Kerja-Kerja Kecil Elektrik Tahun 2023 yang berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2024.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Kementerian melalui JKR juga sedang membuat kajian semula terhadap Jadual Kadar Harga Kerja- kerja Bangunan Berdasarkan Lukisan Dan Spesifikasi (Schedule of Rate) bagi tahun 2023. Kajian semula ini akan mengambilkira situasi pasaran semasa yang merangkumi bekalan bahan binaan, keperluan logistik beserta kadar harga buruh yang terlibat.

6. Sementara bagi projek swasta yang lebih tertakluk kepada isu kontraktual, adalah digalakkan untuk turut mengamalkan VOP atau perkongsian kenaikan kos dalam pelaksanaan projek. Selain itu, kontraktor juga mempunyai opsyen untuk mendapatkan bahan binaan dari luar negara sekiranya harga yang ditawarkan berpatutan. Bagi tujuan pengimportan bahan binaan, tiada AP diperlukan dan pihak kontraktor hanya perlu memastikan bahan binaan yang diimport mematuhi standard yang telah ditetapkan. Pematuhan standard bahan binaan yang diimport ini adalah melalui

NO SOALAN: 15

pengeluaran Permit Kelulusan (Certificate of Approval – COA) oleh CIDB.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AJIS BIN SITIN
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATO' AJIS BIN SITIN minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah terdapat usaha-usaha untuk mewujudkan Penanaman Padi Huma kepada masyarakat Orang Asli di negara ini memandangkan aktiviti ini begitu rancak dipromosikan di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan semua golongan termasuk masyarakat orang asli dalam mengusahakan tanaman padi. Pada masa ini, penanaman padi huma/bukit sememangnya banyak diusahakan di negeri Sabah dan Sarawak dengan luas kawasan 40,822 hektar. Di Semenanjung Malaysia, padi huma hanya diusahakan di beberapa negeri seperti Kelantan, Perak, dan Pahang melibatkan anggaran keluasan 113 ekar sahaja.

Aktiviti penanaman padi bukit diamalkan secara semi-tradisional bagi tujuan sara diri dan akan dijual sekiranya ada lebihan. Kawasan penanaman padi bukit ini juga tidak dilengkapi dengan sistem pengairan dan saluran, yang mana sumber airnya bergantung sepenuhnya kepada air hujan, malah pengeluaran hasil padi bukit juga tidak begitu tinggi. Kerajaan sentiasa menyokong dan memberi perhatian kepada semua pesawah yang mengusahakan padi dan tidak hanya tertumpu kepada sesuatu kawasan sahaja.

Di Semenanjung Malaysia, Kerajaan menggalakkan penanaman padi dengan menggunakan benih padi sah serta padi wangi yang dapat meningkatkan pengeluaran hasil padi sekaligus meningkatkan pendapatan pesawah berbanding dengan padi bukit yang secara umumnya hanya ditanam bagi tujuan sara diri.

NO SOALAN: 16

Biarapun begitu, sekiranya masyarakat orang asli ingin menanam padi huma, Kerajaan tidak menghalang dan akan menyokong dari segi penyediaan insentif sekiranya terdapat keperluan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah serta senaraikan pelabur asing mengikut kategori bidang pelaburan yang masuk ke Malaysia pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pelaburan yang diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi bagi tahun 2021 dan 2022 (pasca Covid-19) adalah sebanyak RM574 bilion, merangkumi sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama. Pelaburan ini melibatkan 9,022 projek dan akan menjana sejumlah 245,392 peluang pekerjaan baharu. Pelaburan langsung asing kekal sebagai penyumbang utama, iaitu sebanyak 64.8 peratus atau RM371.9 bilion, manakala pelaburan langsung domestik menyumbang 35.2 peratus dengan jumlah sebanyak RM202.1 bilion.

Lima (5) negara yang merupakan sumber pelaburan langsung asing utama ialah Belanda dengan jumlah pelaburan sebanyak RM98.4 bilion (26.5%), diikuti Republik Rakyat China sebanyak RM86.8 bilion (23.3%), Singapura dengan pelaburan berjumlah RM60.8 bilion (16.3%), Amerika Syarikat sebanyak RM34 bilion (9%), dan Jepun dengan pelaburan sebanyak RM21.3 bilion (6%). Kesemua lima (5) negara utama ini menyumbang sebanyak RM301.3 bilion (81%) daripada jumlah pelaburan langsung asing bagi tempoh 2021 sehingga 2022.

Sektor perkilangan terus memainkan peranan penting dalam memacu pemulihan ekonomi negara dengan sumbangan sebanyak RM245.6 bilion atau 66 peratus daripada jumlah pelaburan langsung asing yang diluluskan dalam keseluruhan ekonomi. Industri-industri utama yang menarik pelaburan langsung asing tinggi dalam sektor perkilangan termasuklah elektrik dan elektronik (RM174.1 bilion), produk logam asas (RM20.1 bilion), kimia dan produk kimia (RM9.2 bilion),

kelengkapan pengangkutan (RM7.8 bilion) dan peralatan pengukuran dan saintifik (RM6.6 bilion). Antara projek pelaburan asing berkualiti tinggi yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2022, ialah:

- i. Samsung SDI Energy Malaysia Sdn. Bhd., yang beribu pejabat di Korea Selatan yang bercadang untuk menjalankan aktiviti pengeluaran sel bateri kenderaan elektrik;
- ii. Indium Corporation (Malaysia) Sdn. Bhd. dari Amerika Syarikat yang mengeluarkan bahan pematerian termaju yang digunakan dalam sektor elektrik dan elektronik untuk pemasangan produk elektronik dalam automotif, pertahanan, mudah alih, peranti perubatan, modul kuasa dan kawasan pengurusan haba;
- iii. Ferrotec Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd., yang mempunyai struktur pemilikan ekuiti Amerika Syarikat, Jepun dan Republik China, akan menjalankan aktiviti pengeluaran modul, bahagian mesin dan komponen untuk industri semikonduktor peralatan dan jentera; dan
- iv. VAT Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd., yang beribu pejabat di Switzerland yang akan menjalankan pengeluaran injap vakum berprestasi tinggi.

Sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak RM109.8 bilion atau 29.5 peratus daripada pelaburan langsung asing yang diluluskan, di mana subsektor-subsektor utama yang menarik pelaburan langsung asing dalam sektor perkhidmatan termasuklah subsektor maklumat dan komunikasi (RM73.9 bilion), pertubuhan global (RM19.6 bilion),

perdagangan pengedaran (RM8.2 bilion), perkhidmatan kewangan (RM6.1 bilion) dan perkhidmatan sokongan (RM1.2 bilion). Antara projek pelaburan asing berkualiti tinggi yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2022 ialah:

- i. Amazon Web Services (AWS) yang beribu pejabat di Amerika Syarikat yang akan membangunkan infrastruktur wilayah AWS (*AWS infrastructure region*) yang baharu; dan
- ii. ByteDance, dari Republik China, yang merupakan pemilik aplikasi media sosial TikTok yang melabur di pusat data hiperskala milik Bridge Data Centres' (BDC) di Sedenak, Johor.

Bagi sektor utama pula, ianya menyumbang sebanyak RM16.5 bilion atau 4.4 peratus daripada pelaburan langsung asing yang diluluskan, di mana subsektor perlombongan menyumbang nilai pelaburan langsung asing sebanyak RM16.5 bilion, diikuti oleh pertanian (RM13.8 juta) dan perladangan dan komoditi (RM4 juta). Namun begitu, Kementerian ini tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai pelabur asing yang diluluskan dalam sektor utama pasca COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun negara berhadapan krisis kesihatan dan keselamatan awam akibat pandemik COVID-19, namun ianya tidak menghalang minat pelabur domestik dan asing untuk terus melabur di Malaysia.

NO SOALAN: 17

Kerajaan sentiasa komited dalam menggembeleng usaha dan strategi untuk menggalakkan pelaburan berkualiti, bernilai dan berimpak tinggi ke dalam negara bagi mempercepatkan pemulihan, meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, memberi manfaat yang signifikan kepada rakyat serta memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan pelabur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Pelan Induk Industri Sukan Malaysia dan apakah terdapat permurnian terhadap perancangan pelan tersebut bagi meningkatkan mutu industri sukan di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan meneruskan pelaksanaan Pelan Induk Industri Sukan Malaysia (PISMA) bagi memperkasakan ekosistem industri sukan negara supaya terus mampan dan berdaya saing melalui fokus yang diberikan terhadap aspek tadbir urus, pengkomersialan, keusahawanan, sains, teknologi dan inovasi. Kementerian berhasrat untuk melancarkan Pelan Induk Industri Sukan Malaysia ini pada sukuan ketiga tahun 2023 (Q3 2023)

Pada masa ini KBS sedang dalam peringkat pemurnian pelaksanaan PISMA bersama-sama agensi-agensi pelaksana berkaitan bagi memastikan segala perancangan dapat berjalan lancar serta memenuhi hasrat utama PISMA untuk menjadikan industri sukan sebagai salah satu sumber baharu ekonomi negara. Antara aspek yang dilihat kembali dalam pemurnian ini ialah pemilikan (*ownership*) bagi setiap inisiatif yang dicadangkan dan garis masa pelaksanaan bagi setiap inisiatif. Terdapat juga beberapa strategi yang boleh digabung menjadi satu strategi yang lebih berdaya maju.

Setelah itu, KBS akan melaksanakan sesi libat urus melibatkan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan bagi menyelaraskan semua tindakan yang telah digariskan untuk memastikan setiap objektif dan petunjuk prestasi utama dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Enam strategi di bawah Teras 1 adalah seperti berikut:

1. Menjadikan industri sukan sebagai sumber ekonomi utama negara
2. Memperkukuh penyelarasan di kalangan pihak berkepentingan di pelbagai peringkat
3. Memantapkan mekanisme perundangan, kawal selia dan proses kerja
4. Memperkasakan profesionalisme dan integriti dalam tadbir urus
5. Meningkatkan pembangunan tenaga mahir dan meningkatkan peluang pekerjaan dalam industri sukan
6. Mengoptimumkan penggunaan data dalam proses membuat keputusan untuk sebarang perancangan strategik

Tiga strategi di bawah Teras 2 adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan pengkomersialan sukan
2. Menggalakkan aktiviti perniagaan sukan
3. Menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif kepada industri

Lima strategi di bawah Teras 3 adalah seperti berikut:

1. Menyediakan ekosistem industri sukan bersepadu yang berpaksikan sains dan teknologi
2. Menyelaras kerjasama dalam teknologi sukan
3. Mewujudkan dana khas untuk sains, teknologi dan inovasi sukan
4. Pendedahan kepada penggunaan teknologi sukan
5. Digitalisasi industri sukan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI
ATAN
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah statistik terkini taman asuhan kanak-kanak (TASKA) dan pusat jagaan yang dikenakan tindakan kerana beroperasi tanpa lesen dan apakah bentuk pemantauan yang dilakukan dalam mengenal pasti taska atau pusat jagaan yang memperdayakan ibu bapa dengan menyatakan mereka telah memohon lesen tetapi masih beroperasi tanpa lesen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) yang diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] dan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] sentiasa memandang serius akan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengoperasian TASKA dan pusat jagaan.

Terdapat tiga (3) tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil ke atas TASKA dan Pusat Jagaan tidak berdaftar iaitu Lak, Kompaun dan Dakwa.

Sepanjang tahun 2020 hingga 2022 sebanyak empat (4) TASKA tidak berdaftar telah dikenakan tindakan Lak, lapan (8) tindakan kompaun dan dua (2) tindakan pendakwaan. Jumlah keseluruhan tindakan ke atas TASKA tidak berdaftar daripada tahun 2020 hingga 2022 adalah sebanyak 14 tindakan.

Manakala bagi Pusat Jagaan tidak berdaftar telah dikenakan tindakan iaitu 12 tindakan Lak, sembilan (9) tindakan kompaun dan satu (1) tindakan pendakwaan. Jumlah keseluruhan tindakan ke atas Pusat Jagaan tidak berdaftar daripada tahun 2020 hingga 2022 adalah sebanyak 22 tindakan.

Sehingga kini **tiada aduan yang di terima oleh pihak Jabatan berkaitan pemalsuan Perakuan Pendaftaran TASKA atau pun Pusat Jagaan.**

Namun begitu bagi memastikan ibu bapa atau penjaga tidak terpedaya dengan pihak TASKA ataupun Pusat Jagaan; ibu bapa atau penjaga boleh menyemak premis tersebut mempamerkan atau tidak perakuan pendaftaran mereka. Hal ini adalah kerana TASKA atau Pusat Jagaan yang berdaftar diwajibkan mempamerkan Perakuan Pendaftaran di Premis TASKA atau pusat jagaan agar mudah dikenalpasti oleh Ibu bapa atau penjaga.

Selain daripada itu, ibu bapa atau penjaga juga boleh membuat semakan dan rekod TASKA dan Pusat Jagaan berdaftar di laman portal JKM melalui pautan www.jkm.gov.my sebelum membuat keputusan pemilihan TASKA atau Pusat Jagaan yang sesuai.

Berikut adalah usaha-usaha dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh JKM bagi memastikan TASKA dan Pusat Jagaan yang berdaftar sentiasa mematuhi akta dan peraturan-peraturan yang ditetapkan:

- (i) Pemantauan, pemeriksaan berkala dan mengejut dilaksanakan oleh Pegawai Diberikuasa Pusat Jagaan ke premis-premis TASKA dan Pusat Jagaan yang berdaftar sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun;
- (ii) Pemeriksaan mengejut dilaksanakan oleh Pegawai Diberikuasa Pusat Jagaan ke premis-premis TASKA dan Pusat Jagaan yang tidak berdaftar berdasarkan laporan yang diterima;

NO SOALAN: 19

- (iii) Memperkasakan tindakan penguatkuasaan ke atas TASKA dan Pusat Jagaan yang melanggar Akta dan peraturan-peraturan di bawahnya;
- (iv) Program kesedaran masyarakat sentiasa diadakan agar dapat menyampaikan informasi dan menjadi mata dan telinga Jabatan bagi melaporkan kejadian-kejadian yang disyaki melanggar Akta dan peraturan-peraturan yang ditetapkan; dan
- (v) Ibu bapa, penjaga atau masyarakat boleh melaporkan aduan berkaitan kewujudan TASKA atau pusat jagaan tidak berdaftar ke Talian Kasih 15999 atau Whatsapp Talian kasih 019-2615999.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membantu dan menggalakkan golongan suri rumah memulakan perniagaan dalam talian dari rumah bagi membantu meningkatkan pendapatan keluarga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedar akan keperluan untuk membantu dan menggalakkan golongan suri rumah untuk memula dan mengembangkan perniagaan dalam talian dari rumah bagi membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Sehubungan itu, terdapat 2 jenis program berbentuk latihan dan bantuan pembiayaan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh KUSKOP melalui agensi-agensinya di bawah Kementerian ini seperti berikut:

- (i) **Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)** menawarkan latihan keusahawanan melalui Program *Dropship & Agent* (DNA) dengan memfokuskan penyertaan peserta pada tahun 2023 adalah bertumpukan penglibatan wanita (isteri) kepada polis dan tentera yang merupakan sebahagian suri rumah sepenuh masa. Program DNA ini dirangka khusus untuk menggalakkan penyertaan usahawan wanita terutamanya suri rumah bagi menceburi bidang keusahawanan dengan menjadi '*dropship*' kepada pemilik perniagaan sedia ada di Malaysia; dan
- (ii) **TEKUN Nasional** pula menawarkan bantuan kewangan menerusi pelaksanaan Skim Pembiayaan *Online* Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga Nasional (TEKUN) Nasional atau ringkasannya dikenali sebagai SPOT. SPOT adalah bertujuan untuk membantu usahawan mengembangkan perniagaan masing-masing yang dijalankan secara atas talian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan drastik yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memantau 92 projek sakit di seluruh negara dan kesan projek sakit ini terhadap pembangunan negara

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Pekeliling Perolehan Kerajaan 4.5, projek sakit bermaksud apabila kemajuan kerja fizikal mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan atau melebihi 20% (mengikut mana yang terdahulu) berbanding jadual yang ditetapkan dalam kontrak dan kontraktor adalah tidak berupaya untuk memperbaiki prestasinya.
2. Kerajaan sentiasa memberi keutamaan dan penekanan khusus ke arah sifar projek sakit. 92 projek sakit yang dibangkitkan adalah kedudukan jumlah pada 31 Disember 2021 dan telah disusuli dengan tindakan penyelarasan dan intervensi yang diterajui oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).
3. Seterusnya pada tahun 2022, sejumlah 112 projek sakit telah dibawa ke Makmal Sifar Projek Sakit pada 7 hingga 9 Jun 2022. Pelaksanaan makmal yang disertai oleh semua kementerian, agensi pusat, jabatan pelaksana, agensi teknikal, badan berkanun, agensi negeri, syarikat utiliti termasuklah badan-badan profesional (pemain industri) bertujuan mengumpul

semua isu dan permasalahan projek sakit serta kaedah penyelesaian untuk mencapai sasaran sifar projek sakit.

4. Susulan tindakan pengesanan dan penyelesaian projek sakit yang dilaksanakan sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 90 projek (80%) daripada 112 projek sakit telah berjaya dipulihkan atau siap. Inisiatif sifar projek sakit diteruskan pada tahun 2023. ICU JPM akan meneruskan pemantauan secara berterusan dengan memanfaatkan sepenuhnya jawatankuasa yang terlibat dalam Arahan No.1 2023, Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara.
5. Projek sakit memberikan kesan terhadap pembangunan negara. Antara lain:
 - (i) peruntukan pembangunan pada tahun semasa tidak dapat dibelanjakan secara optimum dan turut menjejaskan usaha Kerajaan untuk memperkukuhkan momentum pemulihan ekonomi negara;
 - (ii) beban kewangan Kerajaan semakin bertambah akibat peningkatan kos apabila projek-projek tersebut tidak dapat disiapkan mengikut jadual dan memerlukan tambahan tempoh masa untuk siap; dan
 - (iii) kelewatan penyiapan projek juga menyebabkan manfaat yang sepatutnya diperolehi oleh rakyat tertangguh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan kesihatan mental di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tren peningkatan penyakit mental di peringkat global mencetuskan kebimbangan serta memerlukan perhatian yang serius. Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan rata-rata masyarakat terkesan daripada segi emosi dan kesihatan mental. Isu kesihatan mental kini telah menjadi satu pandemik senyap (*silent pandemic*) dengan berlakunya perubahan dalam kehidupan masyarakat. Perubahan norma baharu kehidupan yang membataskan pergerakan serta aktiviti sosial di kalangan masyarakat memberi impak terhadap emosi dan kesihatan mental individu itu.
2. Namun begitu, isu kesihatan mental bukanlah perkara yang baharu di mana dapatan kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Institut Kesihatan Umum (IKU) pada tahun 2019 mendapati bahawa prevalen kemurungan dalam kalangan masyarakat Malaysia berumur 18 tahun ke atas adalah 2.3% iaitu dianggarkan hampir 500,000 individu mengalami kemurungan.
3. Selain itu, Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK) yang juga merupakan institusi penyelidikan di bawah KKM turut telah menjalankan beberapa kajian bagi lebih memahami masalah berkaitan kesihatan mental melalui dengan kerjasama UNICEF yang memfokuskan kepada kumpulan yang paling terdedah, iaitu kanak-kanak dan remaja yang berumur di antara 10 – 17 tahun. Kajian tersebut bertajuk '*Contributing Factors to Psychological Distress, Coping Strategies, and Help-Seeking Behaviours Among Adolescents Living in The Klang Valley People's Housing Project*

(PPR)' telah dijalankan di 37 PPR yang berada di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

4. Hasil dapatan kajian seperti ini telah membolehkan pihak KKM merancang aktiviti serta pembangunan program kesihatan mental dalam kalangan masyarakat yang holistik melalui kerjasama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pada masa kini, perkhidmatan kesihatan mental negara adalah berpandukan kepada Pelan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan (2020-2025). Pelan Strategik ini menggariskan beberapa inisiatif bagi memastikan pembangunan kelangsungan perkhidmatan kesihatan mental negara. Usaha ini selari dengan visi Dasar Kesihatan Mental Negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan makmur, berdaya tahan, dan produktif dengan kesejahteraan sosial, emosi dan kerohanian.
6. Bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah penambahbaikan daripada aspek pembangunan sumber manusia dengan mendapatkan perkhidmatan kaunseling daripada 200 kaunselor secara kontrak (*Contract for Service*). Kaunselor kontrak CFS ini telah ditempatkan di 138 Pejabat Kesihatan Daerah bagi memberikan perkhidmatan secara berjadual di 831 Klinik Kesihatan di seluruh negara.

7. Selain perkhidmatan sedia ada, perkhidmatan kesihatan mental negara telah mencapai satu anjakan paradigma dengan tertubuhnya Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan atau *National Centre of Excellence for Mental Health* (NCEMH) yang telah dilancarkan pada 21 Oktober 2022.
8. Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan ini bertindak sebagai satu pusat koordinasi perkhidmatan kesihatan mental yang melibatkan perkongsian pintar antara agensi awam, swasta dan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dalam merancang dan melaksanakan aktiviti promosi dan pencegahan, latihan, surveilan serta penyelidikan.
9. Antara perkhidmatan yang berada di Pusat Kecemerlangan ini adalah perkhidmatan talian krisis kesihatan mental (Talian HEAL 15555) yang merupakan penambahbaikan kepada perkhidmatan talian bantuan sokongan psikososial KKM sebelum ini. Talian ini menawarkan perkhidmatan tele-kaunseling yang bertujuan memberikan bantuan sokongan emosi dan psikososial serta intervensi awal krisis. Talian ini dikendalikan oleh Pegawai Psikologi Kaunseling KKM. Antara masalah kesihatan mental yang dikendalikan adalah seperti tingkah laku bunuh diri, kemurungan, *panic attack*, keresahan, dan stres.
10. Diharapkan dengan penubuhan NCEMH ini akan terus memacu pembangunan perkhidmatan kesihatan mental negara ke arah yang lebih baik demi mencapai kesejahteraan mental masyarakat secara amnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada terdapat undang-undang yang mengawal selia penjualan tiket penerbangan oleh syarikat-syarikat penerbangan terutamanya yang berdaftar di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi Bin Saad bersekali dengan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu yang bertarikh 5 April 2023 kerana pertanyaan adalah mengenai isu yang sama.

2. Kementerian Pengangkutan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) bertanggungjawab dalam mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan awam termasuk dalam aspek perlindungan pengguna. Pengawalseliaan ini bertujuan untuk menjadikan industri penerbangan awam di Malaysia berdaya maju dari segi komersial, berorientasikan pengguna dan berdaya tahan agar dapat menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

3. Bagi maksud mengawal selia penjualan tiket penerbangan oleh syarikat-syarikat penerbangan, Bahagian II: Takat Perkhidmatan Minimum dan Standard Prestasi Syarikat Penerbangan dan Pengendali Aerodrom dalam Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (*Malaysian Aviation Consumer Protection Code 2016*, MACPC) telah memperuntukkan tanggungjawab syarikat penerbangan dan pengendali aerodrom terhadap pengguna. Kod ini bertujuan untuk memperuntukkan tahap dan standard minimum perkhidmatan oleh penyedia perkhidmatan penerbangan serta melindungi hak dan kepentingan pengguna dengan memastikan semua aduan terhadap syarikat-syarikat penerbangan diambil tindakan dan diselesaikan.

4. Dalam hubungan ini, MACPC mengkehendaki syarikat penerbangan untuk menerbitkan terma dan syarat-syarat penerbangan secara penuh dalam Kontrak Pengangkutan (*Contract of Carriage*) atau Terma dan Syarat-Syarat (*Terms and Conditions*) sebelum pembelian tiket pengguna bagi perkara-perkara seperti berikut:

- (a) fi pembatalan;
- (b) apa-apa polisi bayaran balik dan tempahan semula;
- (c) polisi bagi penumpang yang tidak -
 - i. hadir di kaunter daftar masuk;
 - ii. hadir di pintu masuk dalam tempoh yang ditetapkan; dan
 - iii. menaiki pesawat udara pada waktu yang dinyatakan;
- (d) polisi peruntukan bagasi; dan
- (e) kesahan dokumen perjalanan penumpang.

5. Selain itu, syarikat penerbangan juga perlu memaparkan harga muktamad tambang penerbangan serta memperincikan dengan jelas perkara-perkara yang berikut:

- (a) cukai dan fi yang dikenakan oleh kerajaan;
- (b) fi dan caj yang dikenakan oleh MAVCOM;
- (c) caj perkhidmatan penumpang;
- (d) caj keselamatan;
- (e) fi bagasi; dan
- (f) caj bahan api.

6. Dalam hubungan ini, semua syarikat penerbangan termasuk syarikat penerbangan tambang murah perlu memastikan bahawa sebarang bayaran atau caj yang dikenakan kepada penumpang adalah berpatutan, tidak membebankan penumpang dan jelas dinyatakan kepada penumpang. Sehingga kini, kesemua syarikat penerbangan Malaysia telah memastikan pematuhan kepada perkara ini.

7. Sekiranya syarikat penerbangan gagal mematuhi MACPC, MAVCOM boleh mengenakan penalti kewangan sebanyak amaun yang tidak melebihi RM200,000, dan ketidakpatuhan kedua atau berikutnya, amaun sepuluh kali daripada penalti kewangan yang dikenakan bagi ketidakpatuhan yang pertama.

8. Dari tahun 2018 sehingga Januari 2023, MAVCOM telah mengenakan penalti sebanyak RM4.72 juta ke atas kegagalan syarikat penerbangan dalam mematuhi pelbagai kesalahan di bawah MACPC.

9. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan untuk meningkatkan kod perlindungan pengguna, MAVCOM kini dalam proses penambahbaikan MACPC berdasarkan maklum balas pengguna dan juga pengajaran-pengajaran penting yang berlaku semasa pandemik COVID-19. Penambahbaikan itu termasuk peningkatan perlindungan pengguna dalam kes-kes yang tidak pernah berlaku sebelum tempoh pandemik ini. MAVCOM menganggarkan proses penambahbaikan tersebut akan selesai pada suku kedua 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW
TARIKH : 5 APRIL 2023

TUAN ROBERT LAU HUI YEW minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah status pembangunan alat kenderaan pelepasan sifar seperti kenderaan elektrik jenama tempatan serta kenderaan hidrogen dan juga menambahkan serta memperkenalkan teknik pembuatan yang meminimumkan pengeluaran bahan toksik oleh kilang-kilang pembuatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk membangunkan ekosistem industri EV secara menyeluruh termasuk membangunkan peralatan dan komponen bagi kenderaan pelepasan sifar karbon jenis bateri elektrik dan hidrogen.

Bagi menarik pelaburan yang melibatkan aktiviti pembangunan komponen kritikal EV terutamanya bateri, motor, chassis dan lain-lain, Kerajaan menawarkan insentif pengecualian cukai pendapatan kepada syarikat pengeluar peralatan dan komponen melalui Galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan sehingga 100% bagi tempoh sehingga 10 tahun.

Selain pemberian insentif, Kerajaan juga melaksanakan beberapa langkah seperti berikut:

Pembangunan standard-standard berkaitan industri EV seperti sistem pengecasan, aktiviti pelupusan bateri, *battery swapping*, *wireless charging* dan lain-lain;

Bantuan dan sokongan dalam pembangunan kemahiran kepada syarikat-syarikat yang berhasrat untuk membangunkan komponen kritikal untuk EV dan modal insan dalam bidang ini; dan

Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang menggariskan kemahiran yang diperlukan oleh pekerja. Ini termasuk NOSS untuk EV iaitu NOSS *Electric and Hybrid Car Service* dan NOSS *Electric Vehicle (EV) Charging Station*.

Dari tahun 2018 sehingga 2022, jumlah pelaburan dalam aktiviti pembangunan komponen EV yang diluluskan adalah bernilai RM18.71 billion. Sebagai contoh, Syarikat Samsung SDI Energy Malaysia Sdn. Bhd. telah memilih Malaysia sebagai lokasi pengeluaran pertamanya di Asia Tenggara untuk penubuhan kilang pembuatan sel bateri EV dengan melibatkan nilai pelaburan sebanyak RM7 bilion dan menawarkan kira-kira 1,700 peluang pekerjaan baharu. Selain itu, Malaysia turut mempunyai sokongan yang mampan dalam rangkaian bekalan EV, khususnya pembuatan semikonduktor, sensor, *automotive electronics*, *factory automation* dan pembuatan wayar tembaga (*copper wire*) bagi pembuatan bateri EV.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkenaan usaha meminimumkan pengeluaran bahan toksik oleh kilang-kilang pembuatan dalam sektor automotif, Kerajaan telah mengenalpasti dan menggalakkan aktiviti seperti berikut:

Reduce (Pengurangan): mengurangkan ketoksikan bahan buangan atau menghapuskan penghasilan penjanaaan bahan buangan dari awal dan di sepanjang proses pembuatan. Aktiviti ini termasuk *Good housekeeping practices*, modifikasi teknologi dan perubahan di dalam proses pembuatan dalam menggunakan bahan tidak berbahaya;

Reuse (Guna semula): penggunaan bahan sekurang-kurangnya dua kali, tanpa mengubah bentuk asalnya ataupun proses. Ini termasuk penggunaan semula bahan secara langsung (contohnya menggunakan satu bahan cecair ke atas produk yg sama) dan tidak langsung (contohnya menggunakan satu bahan cecair yang sama ke atas produk yang berlainan); dan

Recycling (Kitar Semula): melalui proses pengumpulan, pengasingan dan pemulihan bahan berguna yang tidak boleh digunakan semula secara langsung atau akan sebaliknya dibuang sebagai bahan buangan. Ini melibatkan strategi pengurusan sisa dan pemprosesan bahan buangan yang kemudiannya mengembalikan bahan yang diproses kepada proses pembuatan di dalam kilang yang sama.

Kerajaan juga telah membangunkan beberapa standard di mana syarikat perlu mempraktikkan proses di kilang pembuatan komponen automotif mengikut standard antarabangsa ISO4001 dan standard MS 2697 – 4R2S (*Repair, Reuse, Recycle and Remanufacture & Service and Spare parts*) yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Alam Sekitar dan juga Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, berkait dengan peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 di bawah kelolaan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Oleh itu, sebarang usaha dan kaedah untuk meminimumkan pengeluaran bahan toksik perlu mengambil kira peraturan-peraturan semasa yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah inisiatif yang sedia ada atau sedang dirancangkan oleh Kerajaan untuk memastikan pengeluar teknologi Malaysia mendapat peluang (perolehan di pasaran domestik) bagi membolehkan teknologi mereka dikembangkan di pasaran tempatan seterusnya meningkatkan keyakinan untuk dijual di pasaran luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa menyokong penuh usaha mengembangkan produk/teknologi hasil Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) seterusnya untuk diberi keutamaan dalam Perolehan Kerajaan sekiranya bersesuaian. Justeru, antara inisiatif MOSTI yang sedang dan telah dilaksanakan dalam memberi peluang kepada pengeluar teknologi tempatan dalam mendapatkan peluang perolehan di pasaran domestik seterusnya dikembangkan ke pasaran global adalah seperti berikut:

(i) Program Penggunaan Barangan dan Perkhidmatan Hasil R&D Tempatan dalam Perolehan Kerajaan (MySTI)

Inisiatif MySTI diwujudkan bagi merangsang daya cipta dan daya saing syarikat teknologi serta memperkasakan lagi usaha pengkomersialan teknologi dan inovasi tempatan. Barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan melalui aktiviti R&D tempatan akan dapat dikenal pasti melalui penandaan logo MySTI dan diberikan keutamaan dalam Perolehan Kerajaan, sebagai komitmen Kerajaan untuk mencapai sasaran Malaysia sebagai negara pengeluar teknologi menjelang tahun 2030.

MySTI menyediakan platform *end-to-end* yang menghubungkan Kerajaan, penyelidik, pemilik produk/teknologi, teknopreneur, bakal pembeli, bakal pelabur, potensi rakan kerjasama dan rakyat. Inventori MySTI akan menghimpunkan barangan dan perkhidmatan hasil R&D tempatan yang telah diiktiraf dan bersedia untuk dikomersialkan. Peruntukan program ini sedang dirundingkan bersama Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Ekonomi;

(ii) Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY)

Inisiatif Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) yang telah diperkenalkan sejak tahun 2016 bertujuan melonjakkan pengkomersialan hasil R&D yang dibiayai Kerajaan. MCY menyediakan pelbagai fasilitasi/intervensi yang berkaitan dalam mengharungi cabaran-cabaran menuju pengkomersialan serta bertindak sebagai platform untuk meningkatkan kesedaran pihak berkepentingan tentang kepentingan potensi inovasi dan pengkomersialan dalam meningkatkan pendapatan negara menerusi kerjasama sinergi pelbagai pihak seperti penyelidik, agensi pembiaya, *technology receivers*, *technology providers*, usahawan dan agensi-agensi berkaitan dalam ekosistem pengkomersialan. MCY merupakan salah satu usaha menjana kekayaan negara melalui aktiviti pengkomersialan hasil inovasi teknologi daripada hasil R&D negara.

Sehingga akhir bulan Februari 2023, MCY telah mengenal pasti 474 produk/teknologi/perkhidmatan R&D tempatan yang telah dikomersialkan dan dipasarkan dengan penjana hasil sebanyak RM540 juta. Kini, MCY telah memasuki fasa MCY3.0 yang lebih fokus kepada pengkomersialan R&D ke peringkat global menerusi inisiatif MCY Goes Global. MOSTI menetapkan sasaran untuk mengkomersialkan sebanyak 400 lagi produk, teknologi serta perkhidmatan hasil R&D tempatan, daripada jumlah tersebut, sebanyak 60 produk, teknologi dan perkhidmatan disasarkan untuk menembusi pasaran antarabangsa.

Tambahan, MOSTI telah mengadakan kolaborasi bersama MATRADE melalui inisiatif MCY3.0 bagi membantu meningkatkan kebolehpasaran produk KPI Khas MCY ke peringkat antarabangsa dan mengenal pasti produk yang telah bersedia untuk masuk ke pasaran antarabangsa melalui program dan inisiatif di bawah MATRADE.

(iii) *National Technology and Innovation Sandbox (NTIS)*

NTIS merupakan satu platform yang membolehkan syarikat permulaan (*startup*), penyelidik, penggerak inovasi, Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan usahawan berteknologi tinggi menguji produk, teknologi atau perkhidmatan dalam persekitaran yang sebenar (*live environment*) dan dalam keadaan yang selamat dengan memberi kelonggaran daripada undang-undang dan peraturan sedia ada, secara umum atau khusus, untuk tujuan

pembangunan teknologi dan produk menerusi penyelidikan. Inisiatif ini akan memberi nilai tambah terutamanya kepada syarikat *startup* untuk terus menambah baik produk/teknologi menuju pengkomersialan.

Sehingga kini, 22 projek telah berjaya dikomersialkan menerusi NTIS dengan penjanaan nilai pengkomersialan sebanyak RM51.8 juta.

(iv) *Global Innovation Exchange (GIX)*

Terdapat dua program yang terlibat di bawah inisiatif GIX iaitu Global Market-Fit Programme (GMP) dan MyStartup Hub (MSH). GMP ialah program untuk syarikat teknologi atau inovatif berprestasi tinggi dengan pendedahan budaya luar, memahami cara perniagaan dan mendapatkan akses pasaran antarabangsa di Asia Tenggara dan seluruh dunia. Program ini bertujuan untuk menyediakan bantuan kepada inovator untuk mempercepatkan perkembangan syarikat dengan strategi baharu mengikut kesesuaian pasaran produk atau perkhidmatan untuk berkembang di negara lain.

Manakala, MyStartup Hub Programme (MSH) pula ialah program untuk menarik syarikat global yang inovatif dari seluruh dunia untuk menubuhkan hab perniagaan di Malaysia. Dengan kerjasama daripada kementerian/agensi lain di Malaysia, MSH menyediakan bantuan penubuhan syarikat, pengambilan pekerja tempatan dan akses pasaran Malaysia.

(v) Program Nanoverify oleh NanoMalaysia Berhad (NMB)

NMB telah diberikan mandat untuk mengendalikan sepenuhnya program pensijilan produk nano pertama dan satu-satunya di Malaysia yang dikenali sebagai Program Pensijilan NANOVerify. Program NANOVerify yang dilancarkan pada tahun 2015 ini adalah sebuah program pensijilan nanoteknologi secara sukarela yang berlandaskan MS ISO/IEC 17065 dengan tujuan untuk memperakui kewujudan bahan nano di dalam julat 1 sehingga 100 nanometer di dalam sesebuah produk.

Matlamat Program NANOVerify ini adalah untuk melindungi pengguna tempatan dari produk-produk nanoteknologi palsu yang diragui kesahihannya dari segi penggunaan bahan nano, kualiti dan tahap keselamatannya. Untuk mendapatkan sijil program ini, kesahihan kewujudan dan saiz bahan nano yang diguna pakai perlu disahkan menggunakan mikroskop elektron penghantaran ("Transmission Electron Microscope", TEM) yang dikendalikan oleh makmal-makmal yang diakreditasi di bawah MS ISO/IEC 17025.

NO SOALAN: 25

Tambahan lagi, pihak pengeluar perlu melepasi proses audit yang dikendalikan oleh juruaudit yang kompeten bagi menentukan jaminan kualiti produk yang dihasilkan selari dengan piawaian antarabangsa. Sehingga kini, program ini telah mempersijilkan lebih 200 produk berasaskan nano yang terdiri daripada pelbagai sektor khususnya kosmetik dan dandanan diri, makanan, cat dan salutan, pertanian, automotif dan lain-lain.

Dapatan dari analisis NanoVerify Sdn. Bhd. dari tahun 2015 hingga 2022 menunjukkan program ini dapat meningkatkan hasil jualan produk yang dipersijilkan sekurang-kurangnya sebanyak 50%. Hal ini disebabkan kepercayaan pengguna dan industri ke atas ketulenan dan kualiti produk yang telah disijilkan oleh pihak ketiga yang menjalankan proses audit yang ketat. Selain itu, ia memberi peluang kepada pihak industri teknologi nano untuk menyertai libat urus pihak kerajaan bagi menentukan hala tuju industri nano di negara ini. Pada tahun ini, pihak NanoVerify Sdn. Bhd. mengambil inisiatif untuk memperluaskan pensijilan ini ke peringkat ASEAN dibantu oleh rakan-rakan strategik di negara-negara ASEAN untuk membantu industri nanoteknologi tempatan untuk menembusi pasaran ASEAN.

(vi) MYStartup Hackathon

Selain daripada itu, MYStartup Hackathon anjuran Cradle merupakan sebuah program yang bertindak sebagai platform bagi *startup* mengetengahkan solusi terkini yang bersesuaian dengan pernyataan masalah yang dikemukakan oleh pihak korporat. Bagi tahun 2022, program MYStartup Hackathon telah bekerjasama bersama Digital Nasional Berhad (DNB) dalam mencari cadangan penyelesaian kepada tiga (3) pernyataan masalah yang dikemukakan oleh DNB. Pemenang- pemenang siri hackathon ini menerima wang tunai sebanyak RM10,000 dan berpeluang membangunkan teknologi bersama DNB.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN
CHE SALLEH
TARIKH : 5 APRIL 2023

TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah perkembangan mengenai prestasi terkini perkhidmatan bekalan air di bawah Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya, prestasi Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) berbanding negeri-negeri lain adalah kurang memberangsangkan. Ini termasuk mempunyai kadar rizab margin yang rendah iaitu 4% berbanding 10% hingga 15% sasaran Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), purata kadar air tidak berhasil (NRW) 53.7% berbanding purata kebangsaan 37% dan gagal mematuhi 5 parameter kualiti air terawat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. Penyelesaian isu bekalan air di Kelantan memerlukan tindakan berterusan secara proaktif melibatkan 3 aspek utama iaitu pembangunan aset-aset air, pengukuhan kemampuan kewangan dan intervensi kawal selia yang lebih mantap. Antara langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian adalah seperti berikut:

- i. penerokaan sumber air baharu, peningkatan kadar rizab margin air terawat, menangani isu kehilangan air (NRW), perluasan program penggantian dan pemasangan paip air dan sistem retikulasi, dan pemodenan sistem teknologi maklumat melalui projek-projek di bawah RMK-12 dan rancangan perniagaan operator air;
- ii. pelaksanaan pelarasan tarif bekalan air bagi kategori bukan domestik serta kategori khas di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan yang telah berkuatkuasa pada 1 Ogos 2022; dan

iii. pelaksanaan intervensi kawal selia oleh SPAN dengan penubuhan *Task Force* Bekalan Air Kelantan yang turut disertai oleh Bahagian Bekalan Air (BBA, NRECC) bermula November 2021.

3. Selain daripada tindakan Kementerian ini, AKSB juga sedang giat melaksanakan projek penggantian paip lama jenis *Asbestos Cement* (AC) sepanjang 4,006km di seluruh Kelantan secara berfasa, bagi mengatasi kehilangan air secara fizikal menerusi pinjaman Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sebanyak RM301 juta.

4. Hasil usaha-usaha berterusan tersebut, prestasi perkhidmatan bekalan air di Kelantan telah menunjukkan perkembangan kemajuan seperti berikut:

- i. peningkatan rizab margin air terawat dari 0% kepada 3.9%;
- ii. kapasiti pengeluaran air terawat ditingkatkan dari 509.2 juta liter sehari (JLH) pada 2021 kepada 516.7 JLH pada 2022;
- iii. bilangan akaun pengguna telah bertambah dari 271,235 akaun pada tahun 2021 kepada 272,933 akaun pada 2022; dan
- iv. capaian bekalan air terawat meningkat dari 71.7% pada tahun 2020 kepada 73.1% pada tahun 2021 berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

NO SOALAN: 26

5. Kementerian berharap agar isu bekalan air di negeri Kelantan dapat ditangani secara lebih holistik, dan segala usaha bagi meningkatkan rizab margin serta mengurangkan NRW dapat terus dipergiatkan dari semasa ke semasa, bagi menjamin kelangsungan bekalan air kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' SRI TI LIAN KER**
TARIKH : **5 APRIL 2023**

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha terkini pihak Kementerian bagi mengekang sindiket pemerdagangan manusia yang melibatkan rakyat Malaysia di luar negara seperti yang berlaku baru-baru ini di Myawaddy, Myanmar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) komited bagi menangani isu sindiket jenayah tawaran pekerjaan di luar negara. Dalam usaha untuk menyelamatkan serta membawa pulang rakyat Malaysia yang menjadi mangsa sindiket berkenaan, KDN dan PDRM yang juga merupakan ahli **Mesyuarat Penyelarasan Antara Agensi berkenaan Isu Sindiket Jenayah Penipuan Tawaran Pekerjaan melibatkan Warganegara Malaysia di Luar Negara** yang diterajui oleh Kementerian Luar Negeri (KLN) telah melaksanakan sesi libat urus dan bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti perwakilan diplomatik asing berkaitan, badan politik, badan bukan Kerajaan INTERPOL, ASEANAPOL dan agensi penguatkuasaan lain.

Dalam hal ini, perincian usaha yang sedang dilaksanakan secara berterusan adalah seperti berikut:

- (1) Mengadakan sesi libat urus bersama Negara Kemboja, Thailand, Myanmar dan Laos secara fizikal untuk tujuan perkongsian maklumat dan penyelarasan misi menyelamatkan mangsa;
- (2) Mengenalpasti sindiket yang menjadi dalang terutamanya ejen pekerjaan di Malaysia;
- (3) Menjalankan siasatan komprehensif bagi menghasilkan pendakwaan agar mendapat *deterrence effects* kepada masyarakat;

NO SOALAN: 28

- (4) Meningkatkan kesedaran awam dan tahap kefahaman pelbagai lapisan masyarakat, termasuk di kawasan luar bandar mengenai modus operandi sindiket jenayah penipuan;
- (5) Sesi libat urus dengan pertubuhan masyarakat madani bagi kerjasama dalam membanteras jenayah penipuan kerja di luar negara; dan
- (6) Kerjasama dan penyelarasan semua kementerian/agensi kerajaan yang relevan bagi menangani isu ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.
MOHAMED HANIFFA BIN HJ.
ABDULLAH
TARIKH : 5 APRIL 2023

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah pemantauan tahap keselamatan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara sekiranya berlaku insiden-insiden yang mengancam tahap keselamatan pelajar kita sebagai contoh insiden tembakan yang berlaku di Michigan, Amerika Syarikat baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memandang serius dan memberi perhatian penuh terhadap soal keselamatan serta kebajikan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara.
2. Menerusi Pejabat *Education* Malaysia di 12 buah negara dan juga negara-negara liputan, pemantauan pelajar dibuat menerusi rekod dan data pelajar yang akan sentiasa dikemaskini dengan pihak Malawakil dan penaja.
3. Pejabat *Education* Malaysia sentiasa peka dengan perkembangan semasa dan sentiasa berhubung dengan pihak Malawakil, selain menggembleng Persatuan Pelajar Malaysia sebagai pemantau dan penghubung kepada pelajar-pelajar Malaysia di luar negara.
4. Pada masa yang sama, pelajar sentiasa dinasihatkan agar tidak terlibat dengan sebarang aktiviti yang tidak bersesuaian dan sentiasa memastikan mereka berada dalam keadaan yang boleh dihubungi bagi memudahkan perhubungan sekiranya berlaku kejadian luar jangka.
5. Para pelajar juga sentiasa diingatkan untuk memaklumkan pihak *Education* Malaysia, pihak kedutaan atau persatuan pelajar sekiranya mereka meninggalkan kawasan pengajian.

NO SOALAN: 29

6. Pejabat *Education* Malaysia, Pejabat Kedutaan dan Konsulat Malaysia sentiasa berhubung dan bekerjasama memastikan segala rujukan utama kes-kes tertentu dapat dibuat, tindakan segera dan proaktif dapat diambil sekiranya berlaku sesuatu perkara dan memastikan kesiapsiagaan Pejabat *Education* Malaysia bagi mengaktifkan proses evakuasi sekiranya perlu.

7. Sekiranya terjadi keadaan yang memerlukan bantuan logistik diberikan kepada para pelajar untuk keluar dari kawasan berbahaya/ tidak selamat ke kawasan yang selamat, kebajikan sewaktu fasa evakuasi, pengecualian kuliah dan keperluan-keperluan lain bagi menjamin keselamatan para pelajar akan diambil kira oleh pihak *Education* Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK PAUL IGAI minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah impak peperangan Rusia-Ukraine memberi kesan buruk kepada ekonomi negara dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar pelaburan dan perdagangan terbuka, sebarang bentuk konflik antarabangsa berpotensi untuk menjejaskan ekonomi Malaysia memandangkan kita merupakan antara negara pengeluar penting dalam rantai bekalan global. Berhubung dengan konflik Rusia-Ukraine, perdagangan dua hala Malaysia dengan negara-negara tersebut adalah minima, di mana Rusia dan Ukraine masing-masing merupakan rakan dagang global negara di tangga ke-28 dan ke-92 pada tahun 2022. Secara peratusannya, perdagangan Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut bagi tahun 2022 hanya sebanyak 0.4 peratus daripada keseluruhan jumlah dagangan antarabangsa negara.

Pada tahun 2022, Malaysia merekodkan prestasi membanggakan apabila jumlah perdagangan luar melepasi RM2 trilion bagi tahun kedua berturut-turut iaitu sebanyak RM2.848 trilion berbanding RM2.228 trilion pada tahun 2021. Ini merupakan peningkatan peratusan dua digit (27.8 peratus) dan merupakan pertumbuhan terpantas pernah direkodkan sejak tahun 1994. Selari dengan prestasi perdagangan yang memberangsangkan, eksport dan import juga mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu eksport berkembang sebanyak 25 peratus kepada RM1.552 trilion, manakala import merekodkan kenaikan 31.3 peratus kepada RM1.297 trilion. Berdasarkan kepada prestasi cemerlang ini, MITI merumuskan bahawa konflik geopolitik Rusia-Ukraine ini tidak memberi impak yang membimbangkan kepada prestasi perdagangan luar Malaysia.

Namun begitu, MITI tidak menafikan terdapat kesan tidak langsung yang perlu diberikan perhatian sewajarnya. Sekiranya konflik ini berlanjutan, rantaian bekalan global akan terganggu khusus oleh kekurangan bekalan bahan bakar dan bekalan komoditi (bijirin dan minyak sayuran) ke pasaran antarabangsa. Seperti mana sedia maklum, gangguan bekalan tersebut telah menyebabkan kenaikan harga bahan makanan dunia melebihi 30 peratus dan turut dirasai oleh Malaysia, di mana kadar inflasi bagi keseluruhan tahun 2022 meningkat kepada 3.3 peratus berbanding 2.5 peratus pada tahun 2021. Manakala, bagi tahun 2023, Bank Negara Malaysia (BNM) mengunjurkan inflasi keseluruhan dijangka menjadi sederhana tetapi akan kekal tinggi di antara 2.8 peratus dan 3.3 peratus berikutan faktor permintaan dan kos yang berlarutan.

Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian dan Agensi yang bertanggungjawab giat melaksanakan pelan mitigasi bertujuan mengurangkan impak negatif ke atas ekonomi negara terutamanya dalam menangani peningkatan kos sara hidup rakyat dan krisis jaminan sekuriti makanan negara.

Bajet 2023 menekankan nilai-nilai “Malaysia MADANI”, dengan fokus utama adalah bagi menangani isu kos sara hidup di samping memperbaiki ekonomi Malaysia ke arah mencapai pertumbuhan yang lebih inklusif, termasuk memperkuatkan agenda persekitaran, sosial dan tadbir urus (*Environment Social Governance – ESG*) negara. Ia bertujuan memberikan sokongan kepada rakyat bagi memelihara kesejahteraan dalam berhadapan isu berkaitan kos sara hidup serta merangsang pertumbuhan pendapatan.

Menerusi Bajet 2023, MITI akan merealisasikan usaha Kerajaan dalam menarik lebih banyak pelaburan berimpak tinggi dan meningkatkan Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment – FDI*) melalui pelbagai insentif yang berdaya saing seperti insentif pemindahan (*relocation incentives*), yang bertujuan menarik pelaburan dalam khususnya sektor elektrik dan elektronik (E&E) dan aeroangkasa. Bagi memastikan ekonomi negara kekal kompetitif dan relevan, tumpuan akan diberikan kepada bidang sains, teknologi dan inovasi serta memfokuskan kepada agenda ESG terutamanya mempromosikan amalan ekonomi hijau. Inisiatif ini akan memastikan kelangsungan rantaian bekalan industri tempatan dalam menghadapi krisis ekonomi atau kesihatan global pada masa hadapan di samping seterusnya pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal mampan, sekaligus dapat mengurangkan kos sara hidup rakyat.

MITI juga komited untuk melonjakkan lagi prestasi perdagangan antarabangsa dan pelaburan negara melalui penerokaan pasaran baharu bersama negara-negara dagang yang bebas konflik. Antaranya, ini dilaksanakan melalui komitmen konsesi-konsesi tarif di bawah 16 Perjanjian Perdagangan Bebas yang disertai oleh Malaysia, khususnya dengan negara pengeluar bahan mentah/separa-mentah/input kepada industri pembuatan produk eksport Malaysia. Melalui Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership – RCEP*), contohnya negara-negara anggota mendapat akses pasaran terbesar iaitu 2.2 bilion populasi dunia yang merangkumi satu pertiga daripada pasaran global.

NO SOALAN: 30

Secara kesimpulannya, MITI akan terus giat melaksanakan pelbagai usaha untuk menggalakkan industri tempatan mempelbagaikan produk pengganti eksport (*export substitution products*), merangka dan memantau dasar, strategi dan program pembangunan perdagangan melalui galakan penerapan inovasi, amalan dan standard yang lestari, serta memastikan pembangunan industri dan perkhidmatan berkaitan pembuatan yang berdaya saing dan mampan agar mencapai tahap kebergantungan sendiri (*self-resiliency*) yang lebih tinggi. Ini akan membolehkan negara lebih bersedia dalam berhadapan dengan sebarang krisis dunia seperti ketegangan politik dan ketidaktentuan ekonomi dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh manakah usaha bagi memupuk perpaduan pelbagai kaum dalam bentuk program atau aktiviti telah berjaya mencapai objektifnya pada setakat ini.

JAWAPAN:

1. Kewujudan semula Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020 merupakan komitmen Kerajaan dalam melihat perpaduan sebagai asas kestabilan masyarakat dan kunci kepada pembangunan dan kesejahteraan negara.
2. Bagi memastikan agenda perpaduan dapat dikendalikan secara bersepadu dan lebih tersusun, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan **Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** yang menjadi panduan dan halatuju agenda perpaduan nasional.
3. Bagi menterjemahkan dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan, **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** telah dihasilkan. Pelbagai program telah disusun dan dilaksanakan dengan melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.
4. Pencapaian objektif terhadap usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam penyatupaduan rakyat negara ini dinilai melalui **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)**.
5. IPNas merupakan indeks nasional yang menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program oleh Kerajaan untuk memastikan sumbangannya kepada tahap perpaduan dan keharmonian negara.

6. IPNas telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022. Pelaksanaan kajian IPNas menggunakan kaedah model struktur (*structural model*) iaitu mengenal pasti dan menguji secara bersama-sama dalam satu acuan model meliputi semua faktor penyumbang yang mempengaruhi pencapaian tahap kesepaduan sosial.
7. Lima (5) indikator yang mempengaruhi **tahap kesepaduan sosial** yang diuji iaitu:
 - i. Tahap Keetnikan;
 - ii. Hubungan Sosial Rentas Etnik;
 - iii. Etos Bangsa;
 - iv. Tadbir Urus dan Pembangunan; dan
 - v. Defisit Sosial (isu dan cabaran).
8. Nilai IPNas pada tahun 2018 adalah **0.567**. Pada tahun 2022, IPNas mencatatkan peningkatan iaitu dengan **skor 0.629**, menunjukkan bahawa tahap kesepaduan masyarakat di negara ini adalah **sederhana dan terkawal**.
9. Dapatan IPNas 2022 menunjukkan **dua (2) perkara yang perlu diberi perhatian** bagi mengukuhkan lagi perpaduan di negara ini iaitu **tadbir urus dan pembangunan serta aspek hubungan sosial rentas etnik**.

10. Berdasarkan dapatan IPNas 2022 inilah, Kementerian telah menyusun program-program di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI bagi terus menyemarakkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya.
11. *Flagship* program yang diperkenalkan adalah **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** yang **akan diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara** dimana tiga (3) kluster program akan dilaksanakan iaitu:

i. Semarak Kenegaraan

- bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Empat (4) kumpulan sasaran adalah umum, mahasiswa, pelajar sekolah dan komuniti. Program pengisian adalah seperti Dailog anak muda, Apresiasi dan pemeran Mini Rukun Negara, cross culture sharing session, bicara pemikiran Tokoh Negerawan, dan lain-lain.

ii. Semarak Perpaduan

- bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian ke arah merealisasikan aspirasi Malaysia Madani. Program-program adalah untuk memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan

(*moment of unity*) seperti Sambutan Minggu Perpaduan, Galeri Uniti, Uniti walk/run/cycling, liga sukan perpaduan, Uniti Keamatan-Gawai, dan lain-lain.

iii. Komuniti Rahmah

- untuk membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam KRT yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui kerjasama semua pihak kementerian, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Antara program adalah seperti Bakul Rahmah, Ziarah Rahmah, projek ekonomi KRT, Prog Mesra Jiran, dan lain-lain.

12. Dengan penghasilan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI ini, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SR HJ MOHD APANDI BIN
MOHAMAD
TARIKH : 5 APRIL 2023

TUAN SR HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menstabilkan mata wang Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Prestasi nilai ringgit berbanding dolar AS sejak kebelakangan ini adalah sejajar dengan pergerakan mata wang serantau dan negara maju didorong oleh jangkaan kenaikan kadar faedah di AS.

Sebagai sebuah negara perdagangan dan ekonomi yang terbuka, nilai ringgit akan sentiasa dipengaruhi oleh kuasa pasaran. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Selain itu, pasaran dunia yang stabil, sentimen pelabur yang positif dan lebih penerimaan pertukaran wang asing yang teguh disokong oleh kegiatan ekonomi teras (*core economic activity*) negara dapat memperkukuhkan nilai ringgit.

Pendekatan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memperkukuhkan nilai ringgit tertumpu terhadap usaha bagi memastikan pelarasan ringgit adalah dalam keadaan teratur. Keadaan ini akan membantu rakyat dan perniagaan merancang serta melaksanakan keputusan perbelanjaan dan pelaburan dengan baik.

Sementara itu, bagi menangani kemaruapan pasaran pertukaran asing, BNM akan terus menguruskan risiko dari perkembangan domestik dan luaran, serta bersedia untuk menggunakan instrumen dasar operasinya bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur. Risiko daripada pergerakan mendadak nilai pertukaran ringgit berbanding dolar

AS juga dikurangkan melalui penggunaan instrumen lindung nilai, pengambilan pinjaman luar yang dilakukan secara berhati-hati dan disokong oleh pasaran matawang domestik yang dalam.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus melaksanakan dasar-dasar untuk menambah baik iklim pelaburan dan produktiviti negara bagi meningkatkan daya tarikan jangka panjang Malaysia kepada pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*) dan portfolio. Kerajaan juga kekal komited dalam usaha melaksanakan dasar-dasar yang berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara bagi menarik aliran dana yang akan meningkatkan rizab antarabangsa serta memperkukuhkan nilai ringgit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 5 APRIL 2023

TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat menyelaraskan harga tiket di zoo terutama Zoo Negara yang mana harga tiketnya terlampau tinggi kepada orang awam khususnya golongan berpendapatan rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Zoo Negara telah ditubuhkan secara rasmi pada 14 November 1963 oleh YTM Tunjku Abdul Rahman Putra Al Haj. Zoo ini dimiliki dan diuruskan oleh *Malaysian Zoological Society* (MZS) iaitu sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Hasil kutipan tiket masuk ke Zoo Negara adalah digunakan bagi urusan pengoperasian zoo, menampung kos pemakanan, husbandri serta penjagaan kesihatan haiwan di zoo tersebut.

2. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) menerusi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia tidak berhasrat untuk menyelaraskan harga tiket semasa dan perkhidmatan yang dikenakan di semua zoo termasuk Zoo Negara kerana setiap zoo mempunyai strategi pemasaran serta promosi tersendiri.

3. Dalam menarik kedatangan pengunjung ke Zoo Negara, pihak MZS turut menawarkan pilihan harga tiket serta pakej yang lebih berpatutan dengan kadar potongan di antara 5 hingga 17 peratus melalui pembelian tiket secara dalam talian di beberapa laman sesawang terpilih. Harga tiket yang ditawarkan ini adalah lebih rendah berbanding yang dijual kepada pelawat yang hadir secara fizikal di kaunter tiket Zoo Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN
TARIKH : 5 APRIL 2023

TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk memastikan jumlah para doktor, pembantu perubatan dan jururawat terus mencukupi di setiap klinik dan hospital milik Kerajaan serta apakah langkah persediaan yang diambil oleh pihak Kementerian sekiranya berlaku sebarang perkara luar jangka seperti mana pandemik COVID-19 yang menggemparkan seluruh dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan jumlah para doktor, pembantu perubatan dan jururawat terus mencukupi di setiap klinik dan hospital milik Kerajaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan pelbagai inisiatif seperti berikut:
 - i. mewujudkan jawatan baharu sebanyak 1,500 perjawatan bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi untuk tahun 2023 hingga 2025 selaras dengan keputusan Kerajaan pada 19 Januari 2022;
 - ii. Memohon kepada Agensi Pusat bagi mewujudkan jawatan tambahan secara berfasa melibatkan pelbagai skim perkhidmatan bagi fasiliti sedia ada KKM untuk tahun 2023 hingga 2025;
 - iii. Melantik tetap seramai 4,263 Pegawai Perubatan yang dijadual akan selesai pada Julai 2023;
 - iv. Melaksanakan pelantikan tetap secara berfasa melibatkan 2,336 Jururawat kontrak lantikan swasta iaitu graduan kejururawatan keluaran institusi latihan selain Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) yang mula berkhidmat di KKM sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Bagi fasa pertama, seramai 620 orang telah dilantik untuk mengisi jawatan tetap dan

selebihnya akan dilaksanakan secara berfasa sehingga Disember 2023;

- v. Melantik tetap seramai 362 orang Penolong Pegawai Perubatan keluaran ILKKM dan melantik secara kontrak seramai 363 orang Penolong Pegawai Perubatan ILKKM keluaran Jun 2022 dalam tahun 2023; dan
- vi. Melantik semula secara kontrak seramai 870 orang Penolong Pegawai Perubatan keluaran ILKKM yang akan tamat kontrak dalam tahun 2023.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Daripada aspek Kesiapsiagaan Perkhidmatan Hospital, KKM kini lebih bersedia sekiranya perkara luar jangka seperti pandemik COVID-19 berlaku. Terdapat empat (4) teras utama dan 12 strategi yang digunakan dan dipantau sekiranya terdapat ancaman virus baru yang berlaku. Empat (4) teras tersebut ialah kecukupan akses, kelestarian rawatan, pengurusan pra hospital & kecemasan, dan pencegahan jangkitan *nosocomial*. Manakala 12 strategi kesiapsiagaan perkhidmatan hospital tersebut adalah:

- i. Meningkatkan koordinasi & komunikasi strategik;
- ii. Menyediakan fasiliti perkhidmatan penjagaan dan perawatan;
- iii. Kesiapsiagaan bantuan sokongan fasiliti dan perkhidmatan;
- iv. Pengurusan sumber manusia kesihatan;
- v. Rawatan yang berkesan;
- vi. Kompetensi anggota kesihatan;

- vii. Pemantapan sistem pengangkutan dan pemindahan pesakit ke hospital;
 - viii. Pemantapan pengesanan penyakit berjangkit;
 - ix. Pemantauan jangkitan penyakit berjangkit dalam kalangan pesakit;
 - x. Pemantauan jangkitan penyakit berjangkit dalam kalangan anggota perubatan;
 - xi. Pengurusan wabak nosocomial penyakit berjangkit; dan
 - xii. Prosedur operasi standard dan vaksinasi anggota.
3. KKM akan terus memantau tahap jangkitan COVID-19 semasa atau virus lain termasuk ancaman varian atau gelombang baharu serta tahap penggunaan fasiliti KKM seperti kadar penggunaan katil bukan ICU, katil ICU, penggunaan alat bantuan pernafasan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kementerian ke atas tuduhan oleh seorang penyiasat hak asasi manusia (warganegara luar) bahawa Syarikat Kawalan Keselamatan di Malaysia yang dikendalikan oleh bekas-bekas tentera, polis atau penguatkuasa mempunyai '*political-linked and who act with almost total impunity*' dan memperolehi keuntungan luar biasa dengan mengeksploitasi pekerja bukan warganegara daripada negara Nepal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius sebarang dakwaan, tuduhan dan laporan mengenai isu-isu kebajikan pekerja asing di Malaysia. KDN juga sama sekali tidak akan berkompromi apabila berlaku pelanggaran undang-undang, peraturan dan syarat ditetapkan dan akan mengambil tindakan tegas yang sewajarnya termasuk menggantung atau membatalkan lesen terhadap mana-mana syarikat kawalan keselamatan terbabit sebagai iktibar, amaran dan pengajaran kepada syarikat-syarikat kawalan keselamatan yang lain supaya tidak melakukan sebarang kesalahan sama atau sengaja melanggar syarat serta peraturan yang ditetapkan KDN dan Akta Agensi Persendirian 1971. Sehingga kini, **tindakan pembatalan lesen telah diambil kepada 97** buah syarikat yang didapati melanggar peraturan tanpa mengira latar belakang syarikat sama ada mempunyai perkaitan atau pertalian dengan pihak-pihak tertentu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN
YAHAYA
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah keseluruhan rumah yang terlibat dengan isu pengambilan tanah Rumah Teres dan Flat Sungai Baru di Kampung Baru dan berapakah jumlah pemilik rumah yang tidak bersetuju untuk berpindah.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemaju telah menawarkan cadangan pembangunan secara usahasama kepada pemilik-pemilik sejumlah 329 lot teres, lot pencawang elektrik dan unit flat.
2. Pemilik-pemilik 219 lot teres dan unit flat atau 66.6% daripada jumlah keseluruhan 329 lot teres, lot pencawang elektrik serta unit flat yang terlibat, telah bersetuju dengan tawaran usahasama pemaju. Manakala, pemilik-pemilik 110 lot teres, lot pencawang elektrik serta unit flat atau 33.4% tidak bersetuju dengan tawaran usahasama pemaju dan terlibat dalam pengambilan balik tanah. Lot-lot yang tidak bersetuju dengan tawaran usahasama pemaju ini dimiliki oleh 166 pemilik berdaftar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 5 APRIL 2023

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah klinik swasta yang telah dilantik untuk pelaksanaan Program PEKA B40 di Kelantan dan adakah jumlah itu mencukupi untuk memastikan semua rakyat Kelantan yang layak mendapat akses kepada perkhidmatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat Mac 2023, manfaat saringan kesihatan PeKa B40 telah ditawarkan oleh 84 buah pengamal perubatan am swasta (GP). Manfaat ini juga turut ditawarkan di 104 buah Klinik Kesihatan bagi meningkatkan capaian kepada golongan B40 yang layak di Kelantan terutamanya di kawasan pedalaman.
2. Pada tahun ini, seramai 412,472 individu di negeri Kelantan layak menerima bantuan PeKa B40 dan sehingga 29 Mac 2023, seramai 92,534 orang telah menjalani saringan PeKa B40 sejak program ini dilancarkan pada April 2019.
3. Ketika ini ProtectHealth belum menerima sebarang aduan mengenai kesukaran mendapatkan pembekal perkhidmatan yang menyediakan manfaat ini di Kelantan. Walau bagaimanapun, ProtectHealth akan terus meningkatkan libat urus dengan GP yang belum berdaftar untuk menggalakkan mereka menawarkan perkhidmatan PeKa B40 bagi memastikan capaian yang lebih luas untuk golongan B40 di Kelantan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN
YAHAYA
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian bagi memastikan atlet-atlet negara dalam kontigen negara bersiap sedia untuk menghadapi Sukan Olimpik 2024 Paris dan berapakah sasaran pungutan pingat emas, perak dan gangsa bagi kontigen negara pada sukan olimpik kali ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengumumkan pembentukan satu Jawatankuasa *Road to Gold* dengan objektif untuk menyelaraskan usaha negara bagi meraih pingat emas di Sukan Olimpik. Jawatankuasa ini dipengerusikan secara bersama oleh Yang Berhormat Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan dan YBhg. Tan Sri (Dr.) Norza Zakaria, Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM).

Mengambil kira struktur dan kaedah pelaksanaan projek Olimpik sebelum ini serta baki tempoh hanya setahun sahaja bagi menghadapi Olimpik Paris pada tahun hadapan, Jawatankuasa ini akan menyediakan rangka kerja jangka panjang meliputi Paris 2024 dan Los Angeles 2028.

Jawatankuasa ini akan bekerjasama dengan Program Podium sedia ada yang mana ia memberi tumpuan kepada program persediaan atlet elit meliputi latihan harian, latihan di luar negara termasuk lebih pendedahan kepada pertandingan dalam dan luar negara, penyediaan khidmat jurulatih, kakitangan sokongan, perkhidmatan sains sukan dan perubatan serta program bina diri. Manakala bagi Sukan Paralimpik, program emas para atlet diteruskan di bawah Program Podium di peringkat Majlis Sukan Negara (MSN).

Jawatankuasa Road to Gold ini akan memperkasa Program Podium sedia ada yang diketuai oleh MSN dan Institut Sukan Negara (ISN) melalui pemantauan di peringkat Kementerian. Jawatankuasa ini akan memberi fokus kepada mengatasi had sedia ada dan menyediakan sokongan tambahan untuk bakal pemenang pingat negara. Sokongan tambahan yang diperlukan akan disesuaikan mengikut keperluan setiap individu yang berpotensi melalui konsultasi dengan atlet dan jurulatih masing-masing.

Selain itu, perkhidmatan sokongan khusus seperti pasukan petugas khas turut disediakan bagi memenuhi keperluan atlet yang telah layak dari aspek psikologi, pemakanan, kecergasan dan khidmat sains serta perubatan sukan terbaik menerusi ISN.

Berhubung sasaran pingat di Sukan Olimpik Paris 2024, ia akan ditentukan secara bersama antara pihak Kementerian melalui MSN dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) selepas penetapan dan pendaftaran atlet ke temasya berkenaan. Proses kelayakan ke Sukan Olimpik masih berlangsung dan dijangka akan berakhir pada bulan Jun 2024.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Keahlian Jawatankuasa Pemandu Projek Road To Gold

Pengerusi Bersama : YB Hannah Yeoh
Menteri Belia dan Sukan

YBhg. Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Mohamad
Norza bin Zakaria
Presiden, Majlis Olimpik Malaysia

Pengarah Projek : En. Stuart Michael Ramalingam,
Ahli Lembaga Pengurusan, MSN

Pembantu Pengarah : Pn. Michelle Chai Han Ching

Ahli : YBhg. Ts. Dr. Nagulendran
Kangayatkarasu
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan

: YBhg. Dato' Ahmad Shapawi bin Ismail,
Ketua Pengarah, MSN

: En. Ahmad Faedzal bin Md Ramli
Ketua Pegawai Eksekutif, ISN

: YBhg. *Dato'* Ahmad *Najmi* bin Abdul Razak

NO SOALAN: 39

- : YBhg. Datuk Hj. Hamidin bin Hj. Mohd.
Amin,
Chef de Mission

- : YBhg. Datuk Nicol Ann David, Timbalan
Chef de Mission

- : YBhg. Datuk Wira Lee Chong Wei
Bekas Olimpian

- : YBhg. Dato' Mirnawan bin Datuk Hj
Nawawi
Bekas Olimpian

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk meneruskan perancangan menubuhkan universiti khas untuk wanita seperti yang telah dinyatakan oleh mantan Menteri sebelum ini dan apa usaha akan dilaksanakan selepas ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian berpandangan bahawa sebarang penubuhan universiti hanya akan diberikan pertimbangan mendalam setelah kedudukan fiskal negara kembali mengukuh. Ini termasuklah penubuhan universiti wanita seperti yang dicadangkan sebelum ini.

2. Seperti yang telah dinyatakan semasa penggulungan Titah Diraja Dewan Rakyat yang lalu, penubuhan sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang baharu haruslah dilihat dari pelbagai sudut dan dimensi, antaranya:
 - i. Permintaan semasa yang harus merangkumi keperluan dari perspektif pelajar dan masyarakat semasa yang mesti seimbang dengan saiz populasi;
 - ii. Kecukupan dan kesediaan bekalan tenaga pakar dalam sesuatu bidang;
 - iii. Keupayaan menyediakan dan menyelenggara prasarana dengan baik;
 - iv. Kemandirian kewangan;
 - v. Prospek dan jenis program yang hendak ditawarkan; dan
 - vi. Risiko pertindihan (*overlapping*) dan sebarang ketidakpadanan (*mismatch*) dengan IPT serta program sedia ada.

NO SOALAN: 40

3. Sebaliknya, fokus utama Kementerian pada masa ini adalah meningkatkan usaha ke arah pendigitalan pendidikan tinggi dalam kalangan UA yang memerlukan peruntukan besar dan memastikan kemudahan sedia ada yang usang ditambah baik dan dinaiktaraf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH
SUFFIAN
TARIKH : 5 APRIL 2023

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan bagi menarik pelaburan FDI ke Malaysia yang lebih agresif memandangkan pertumbuhan GDP ASEAN dijangka akan mencecah USD5 bilion supaya Malaysia dilihat sebagai destinasi utama pelaburan di rantau ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Meskipun berhadapan dengan landskap pelaburan langsung asing (*foreign direct investment – FDI*) global yang mencabar, Malaysia terus kekal sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini. Perkara ini diakui dan diiktiraf oleh institusi terkemuka *Milken Institute Global Opportunity Index 2022* yang menobatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang paling menarik di kalangan negara-negara Asia Tenggara bagi pelabur-pelabur asing.

Berdasarkan laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), bagi tempoh Januari sehingga Disember 2022, Malaysia telah merekodkan RM264.6 bilion nilai pelaburan yang diluluskan merangkumi sektor perkhidmatan (RM154 bilion), sektor perkilangan (RM84.3 bilion), dan sektor utama (RM26.3 bilion). FDI kekal sebagai penyumbang utama bagi jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak iaitu RM163.3 bilion atau 61.7 peratus. Sementara itu, pelaburan langsung domestik (*domestic direct investment – DDI*) menyumbang RM101.3 bilion atau 38.3 peratus bagi tempoh yang sama.

Keperluan menarik pelaburan berkualiti tinggi adalah penting bagi memastikan momentum pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang memberangsangkan iaitu sebanyak 8.7% pada tahun 2022 dapat diteruskan. Bagi tujuan ini, antara strategi dan inisiatif yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif sebagai destinasi pelaburan pilihan di kalangan negara anggota ASEAN termasuklah:

NO SOALAN: 41

- a. Mengadakan Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan (*Trade and Investment Mission* - TIM) untuk menarik projek berkualiti dari seluruh dunia;
- b. Melaksanakan '*Strike Force*', misi projek khusus dan lawatan kerja khusus oleh Ketua Kerajaan/ Kementerian/ Pegawai-pegawai kanan MIDA bagi memberikan fokus kepada syarikat-syarikat bertaraf dunia yang berpotensi tinggi;
- c. Mempergiatkan lagi sesi libat urus dengan pelabur baharu dan sedia ada melalui penganjuran seminar/webinar, mesyuarat meja bulat, lawatan kerja dan majlis rangkaian oleh Pejabat MIDA Luar Negara;
- d. Melancarkan Dasar Pelaburan Baharu (*New Investment Policy* - NIP) berdasarkan Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspirations* - NIA) pada 6 Oktober 2022 bagi mendorong pertumbuhan jangka panjang untuk Malaysia melalui kemasukan pelaburan berkualiti yang mampan dalam bidang pertumbuhan baharu dan kompleks;
- e. Melaksanakan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia bagi membina ekosistem digital yang lengkap serta Dasar '*4th Industrial Revolution*' Negara untuk mendorong pembangunan ekonomi digital dengan sasaran khusus untuk menarik pelaburan pendigitalan sebanyak RM70 bilion menjelang 2025.; dan

- f. Memberi tumpuan kepada keterangkuman dan kemampuan berasaskan matlamat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environment, Social and Governance - ESG*) selaras dengan komitmen menjadikan Malaysia sebagai negara rendah karbon. Pelaburan baharu berteraskan ESG akan memangkin pertumbuhan dalam sektor yang canggih dari segi teknologi serta mengukuhkan hubungan rantaian pelaburan mampan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, komitmen beberapa syarikat ternama, termasuk Tesla dan Amazon Web Service (AWS) baru-baru ini untuk melabur di Malaysia adalah bukti kesungguhan dan komitmen Kerajaan dalam menjayakan pelbagai strategi dan usaha untuk menarik FDI. Hal ini merupakan manifestasi kestabilan politik, institusi Malaysia dan dasar ekonomi yang jelas serta mencerminkan reputasi negara sebagai destinasi pelaburan pilihan pelabur-pelabur asing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING
TARIKH : 5 APRIL 2023

PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti luar bandar dan bagaimanakah cabaran ini memberi kesan kepada usaha membangunkan luar bandar di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2021) seramai **8.1 juta atau 24.9%** penduduk tinggal di kawasan luar bandar. Dalam hal ini juga, KKDW telah membangunkan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB), iaitu sebuah dasar yang menyediakan kerangka hala tuju pembangunan luar bandar ke arah mendukung hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi untuk tempoh sehingga tahun 2030. Demi mencapai agenda tersebut, masih banyak yang perlu dilaksanakan oleh KKDW dalam mendepani cabaran baharu dalam pembangunan luar bandar.

KKDW memainkan peranan utama untuk membantu merapatkan jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar di mana nisbah pendapatan penduduk bandar dengan luar bandar adalah 1 (bandar): 0.58 (luar bandar). Kadar kemiskinan luar bandar adalah 12.4% dengan 211,625 orang penduduk luar bandar berdaftar dalam E-KASIH. Selain daripada itu, liputan prasarana asas masih lagi terhad di sesetengah kawasan luar bandar seperti di negeri Sabah, Sarawak dan kampung Orang Asli. Dalam pada itu, akses telekomunikasi dan internet masih terhad dan tidak stabil di kawasan luar bandar.

Oleh yang demikian, strategi-strategi bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup luar bandar perlu diperkukuh. Ini termasuklah menambahbaik infrastruktur asas luar bandar seperti bekalan air bersih dan bekalan elektrik terutamanya di Sabah dan Sarawak serta di

Kampung Orang Asli. Selain itu, pembinaan dan baik pulih jalan luar bandar perlu dipercepat untuk merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar dan seterusnya dapat merancakkan pertumbuhan ekonomi di luar bandar. Melalui Bajet 2023, sejumlah RM2.48 bilion telah diperuntukan bagi pembangunan infrastruktur seperti Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Program Ameniti Sosial (PAMS) di luar bandar termasuk RM1.5 billion untuk Jalan Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa.

Cabaran yang seterusnya ialah untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Masyarakat desa menghadapi cabaran dari segi kekurangan pekerjaan berpendapatan tinggi, peluang pasaran yang terhad, tiada *economy of scale* dan kurang keterlibatan dalam penghasilan produk hiliran yang mempunyai nilai tambah tinggi. Kesemua faktor tersebut menyukarkan masyarakat desa untuk keluar dari kemiskinan dan meningkatkan pendapatan serta taraf hidup. Sehubungan itu, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah telah melaksanakan pelbagai program ekonomi secara berkelompok seperti:

- **Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK)** yang merupakan pengembangan aktiviti ekonomi sedia ada bagi membangunkan *niche product* dan mewujudkan *economy of scale*;
- **Program Desa Lestari** iaitu bantuan geran kepada sesebuah kampung untuk mewujudkan komuniti desa yang berpendapatan tinggi melalui platform Koperasi Komuniti;

Atau secara individu seperti:

- **Program Peningkatan Pendapatan (PPP)** di mana melalui program ini golongan miskin, miskin tegar dan B40 akan menerima latihan dan peralatan sehingga RM10,000 untuk menjalankan projek-projek ekonomi bagi meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada pendapatan asal;
- **Program Keusahawanan KKDW** termasuk dari segi pembiayaan/geran, permentoran, latihan, bimbingan, *coaching*.
- **Program DesaMall@KKDW** yang merupakan program pendigitalan usahawan luar bandar yang menumpukan bukan sahaja aspek pemasaran atas talian tetapi juga penggunaan teknologi digital dalam pengurusan perniagaan seperti penyediaan kunci kira-kira, pengurusan stok, pengurusan gerbang pembayaran dan kemahiran lain berkaitan perniagaan

KKDW akan terus menyantuni keperluan masyarakat desa bukan sahaja dari segi ekonomi dan infrastruktur, tetapi juga dari segi pembangunan modal insan, kepimpinan dan tadbir urus kampung. Ini adalah bagi memastikan masyarakat desa kekal berdaya tahan dalam menghadapi cabaran global yang turut memberi kesan kepada kehidupan seharian mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 5 APRIL 2023

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap fenomena penghijrahan anak muda daripada kampung ke bandar mutakhir ini ekoran daripada tekanan aktiviti ekonomi luar bandar yang tidak mendapat tempat sewajarnya berbanding industri di bandar-bandar dalam kerangka Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada kajian yang pernah dibuat oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) berhubung aspek migrasi luar bandar, strategi kelangsungan hidup dan kesejahteraan ekonomi belia minoriti terdapat lima indikator penting yang menjelaskan fenomena penghijrahan luar bandar ke bandar iaitu jaminan kewangan, bebas hutang, literasi kewangan, kebolehpekerjaan dan penggajian. Kebanyakan belia memilih untuk berhijrah bagi mendapatkan peluang pekerjaan dengan tawaran pendapatan lebih baik demi meningkatkan kualiti hidup.

Penghijrahan dari luar bandar ke bandar melibatkan golongan belia ini juga berlaku kerana pemusatan industri di kawasan bandar yang kemudian menyediakan ruang pengembangan kerjaya dan pengetahuan lebih luas. Namun begitu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa berusaha memastikan golongan belia di luar bandar berkeupayaan meningkatkan kualiti hidup dan tahap pendapatan yang bersesuaian. Dalam hal ini, KBS melalui Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) menyediakan peluang berbentuk latihan kemahiran untuk memastikan golongan belia, khususnya di luar bandar mempunyai keupayaan untuk diterima dalam pasaran kerja atau menjadi usahawan di kampung halaman sendiri.

Antara program-program berimpak tinggi yang dilaksanakan oleh ILKBS dan dapat membantu golongan belia khususnya di luar bandar adalah seperti berikut:

- i. **Program Skim Latihan Dual Nasional (SLDN), inisiatif-inisiatif di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp), kursus modular dan *customise***
 - Program ini dilaksanakan mengikut keperluan skop kerja dan juga majikan bagi kumpulan belia bekerja atau disebut sebagai pekerja belia. Peserta akan memperoleh sijil kemahiran dan sebahagiannya akan memperoleh sijil daripada agensi atau badan bertauliah seperti CIDB, NIOSH dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang sememangnya diperlukan kepada pekerja oleh syarikat/majikan.

- ii. **Kursus Modular di bawah Akaun Amanah Latihan Khas**
 - Program ini dilaksanakan secara separuh masa kepada belia yang ingin mempelajari kemahiran berkaitan bidangg kerja dan yang ingin meningkatkan tahap kekompetenan sedia ada ke tahap tinggi sama ada melalui pembiayaan sendiri atau tajaan syarikat pada hujung minggu.

Program-program ini berhasil dalam melahirkan golongan belia berkemahiran serta berkeupayaan meningkatkan taraf hidup. Sehingga tahun 2023 tahap kebolehpasaran lepasan ILKBS adalah 96.19%.

Bagi memastikan program-program yang dilaksanakan memberikan kesan positif khususnya dalam pasaran pekerjaan, ILKBS turut menjalinkan kerjasama dengan pihak industri serta melaksanakan program-program sampingan lain seperti *Bootcamp* KBS, STAR@U: MyFuture Youth Plus, Program Makerspace Mybizhub @ILKBS, Program Inkubator @ILKBS dan Projek MyAgro Future@ILKBS

Selain itu, KBS juga sedang menggerakkan program ***Skill for Life***. Program ini bertujuan untuk menyediakan peluang latihan kemahiran asas kepada belia setempat dengan menggunakan peralatan dan kemudahan sedia ada dan kepakaran tenaga pengajar ILKBS. Kemahiran yang diperolehi boleh digunakan dalam kehidupan seharian yang mana ia secara tidak langsung membantu menangani kos sara hidup tinggi dihadapi belia dan masyarakat pada masa kini.

Sebanyak 22 program akan dilaksana oleh ILKBS dengan mensasarkan penyertaan seramai 10 hingga 20 orang bagi setiap program. Program dijalankan dalam tempoh tiga hingga lima jam pada hujung minggu (Jumaat, Sabtu atau Ahad) dan dilaksana di luar ILKBS dengan menggunakan kemudahan di bawah KBS atau lain-lain kemudahan sedia ada yang bersesuaian.

Walaupun KBS bukanlah agensi peneraju agenda TVET negara, namun begitu ILKBS turut melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menarik penyertaan golongan belia di luar bandar untuk mengikuti pembelajaran latihan kemahiran secara sepenuh masa seperti berikut:

- i. menjalin kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah di luar bandar untuk mempromosikan peluang menyambung pengajian di ILKBS serta laluan kerjaya yang terbuka luas dalam bidang industri pada masa kini;
- ii. melaksanakan program-program *outreach* dengan melibatkan pihak Pejabat Belia dan Sukan Daerah, agensi kerajaan negeri dan daerah yang berkaitan, persatuan belia dan komuniti setempat; dan
- iii. mewujudkan kerjasama dengan pihak Baitulmal, Pusat Zakat dan agensi/ yayasan di bawah Kerajaan Negeri untuk membantu membiayai bayaran asas dan teknikal pelajar yang tidak berkemampuan tetapi ingin melanjutkan pengajian ke ILKBS. Pelajar juga diberi elaun bulanan sebanyak RM100 hingga RM300 mengikut tahap pengajian yang dibiayai oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan untuk memperjelaskan notis yang diberikan kepada staf kesihatan (seperti doktor, jururawat dan sebagainya) apabila menerima arahan pertukaran/pemindahan jawatan ke negeri lain dan adakah benar waktu yang diberikan adalah terlalu singkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa melaksanakan penempatan petugas kesihatan mengikut keperluan perkhidmatan yang perlu disediakan di fasiliti kesihatan sama ada di kawasan bandar, luar bandar atau pedalaman.
2. Notis pemakluman mengenai keputusan penempatan petugas kesihatan lazimnya akan dimaklumkan satu (1) bulan sebelum tarikh kuat kuasa lapor diri di penempatan baharu. Dengan penempatan petugas kesihatan ini, perkhidmatan kesihatan dapat disampaikan dengan lebih cekap dan berkesan.
3. Berhubung aspek kebajikan, pegawai yang diarahkan bertukar layak menerima elaun dan kemudahan tertentu. Antaranya ialah tambang perjalanan, tambang pengangkutan barang, elaun makan dan bayaran sewa hotel untuk tempoh tiga (3) hari sebelum dan lima (5) hari selepas perpindahan serta kemudahan lain yang ditetapkan seperti dijelaskan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2.
4. KKM sentiasa mengalu-alukan maklum balas dan penambahbaikan urusan penempatan atau pertukaran anggota. Petugas kesihatan yang terlibat juga boleh memberi kerjasama dengan menghubungi Jabatan Kesihatan Negeri yang berkenaan sekiranya memerlukan penjelasan lanjut dan bantuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah pelan tindakan kesungguhan Kementerian menyeru rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama supaya bersifat damai, mengajak kepada perpaduan dan kesejahteraan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengambil inisiatif menghasilkan beberapa dokumen dasar dan pelan tindakan perpaduan bagi memupuk dan mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia seperti berikut:
 - i. **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** merupakan dasar payung yang julung kali dihasilkan oleh Kerajaan secara khusus bagi memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “Perpaduan Dalam Kepelbagaian”. Dasar ini menetapkan agenda dan halatuju perpaduan nasional berdasarkan tiga (3) teras utama iaitu:
 - a) Patriotisme dan demokrasi;
 - b) Identiti nasional; dan
 - c) Ekosistem perpaduan.
 - ii. **Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** merupakan dokumen yang menggariskan anjakan strategik bagi mencapai objektif yang terkandung di dalam DPN secara komprehensif. Dokumen ini menetapkan 3 aspirasi, 12 strategi dan 41 anjakan strategi dalam usaha membina dan mengekalkan perpaduan negara dan integrasi nasional.
 - iii. Bagi menterjemahkan strategi yang digariskan melalui dokumen DPN dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan

Negara 2021-2030 ke dalam bentuk pelaksanaan, **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** juga telah dihasilkan dengan menyusun program dan inisiatif secara khusus, inklusif dan holistik melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.

2. Kementerian Perpaduan Negara juga turut memainkan peranan yang penting bagi membangun Malaysia MADANI dalam konteks sosial, khususnya aspek kemasyarakatan dan kebudayaan selain turut menyumbang kepada aspek pendidikan, institusi, ekonomi dan kewangan, perundangan, bandar dan luar bandar.
3. Bagi menyokong hasrat membangun Malaysia MADANI, Kementerian ini turut menghasilkan kerangka membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang akan menjadi rujukan kepada Kementerian Perpaduan Negara bagi melaksanakan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah melahirkan masyarakat MADANI dalam kalangan rakyat berbilang kaum.
4. Kerangka ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara dan memperjelaskan dengan lebih komprehensif strategi pelaksanaan serta sasaran yang hendak dicapai.

5. Antara inisiatif program yang diperkenalkan adalah **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI**. Program ini merupakan program *flagship* yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.
6. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya.
7. Tiga (3) kluster program tersebut adalah seperti berikut:

a. Semarak Kenegaraan

Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

b. Semarak Perpaduan

Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

c. Komuniti Rahmah

Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggembleran tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

8. Dengan penghasilan dokumen dasar, pelan tindakan dan inisiatif program yang dirancang, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama pelbagai pihak di setiap peringkat daripada peringkat Kementerian hingga ke peringkat komuniti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah aspek-aspek kawalan sempadan yang sedang difokuskan bagi menyekat kegiatan penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI) menerusi sempadan-sempadan negara terutamanya yang melibatkan pemerdagangan manusia bagi tujuan manipulasi buruh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani masalah kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui agensi-agensi penguatkuasaan di sempadan iaitu Pasukan Gerakan Am (PGA) PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) telah mengambil beberapa pendekatan dengan memfokuskan aspek-aspek kawalan keselamatan seperti berikut:

Pengukuhan Operasi Penguatkuasaan

Dalam usaha untuk mengekang kemasukan PATI di sempadan negara, agensi-agensi penguatkuasaan telah melaksanakan beberapa operasi tetap seperti di bawah PGA, PDRM melalui Op Wawasan, Op Nyah, Op Awas, OP Libas dan Op Taring. ESSCOM turut melaksanakan Op Sanggah yang merupakan koordinasi operasi pasukan keselamatan dan jabatan/ agensi penguatkuasaan Persekutuan dan Negeri di kawasan ESS Zone. Manakala, APMM pula melaksanakan Op Cegah PATI dan Op Belangkas bagi membendung kemasukan PATI melalui perairan negara.

Pemilikan aset

Kementerian juga bercadang untuk melaksanakan penambahan pos baharu dan aset-aset keselamatan yang terkini melalui permohonan projek baharu fizikal dan bukan fizikal bagi *Rolling Plan* Keempat (RP4), RMKe-12, Tahun 2024 merangkumi penambahan pos kawalan, *Forward Operation Base*, perolehan kapal dan bot serta perolehan aset taktikal yang baharu.

Penggunaan Teknologi

Bagi meningkatkan keupayaan agensi penguatkuasaan di sempadan, agensi-agens penguatkuasaan di bawah KDN telah mengguna pakai teknologi baharu dalam memastikan keselamatan sempadan terjamin seperti Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) bagi pengawasan keselamatan Zon Maritim Malaysia; *Command, Control, Communication, Computer, Intelligence, Surveillance and Reconnaissance* (C4ISR), Sistem Cospas-Sarsat bagi membantu operasi carilamat maritim; *Unmanned Aerial Vehicle Dron* jenis *Vertical Take-Off and Landing* (VTOL); Peralatan *Mobile Inteligent Survailance Thermal Radar, GPS Tracker*, dan *Night Vision Google* (NVG).

Pemantapan kerjasama serantau

Mengeratkan hubungan dua hala dengan negara-negara jiran dalam kerjasama menangani permasalahan di perairan sempadan dengan mengadakan mesyuarat bilateral untuk membincangkan isu-isu semasa yang berlaku di sempadan seperti *Philippine National Polis-Maritime Group* (PNP-MG) dan Polisi Air dan Udara Indonesia (POLAIRUD) serta *The Royal Thai Police* (RTP). Selain itu, terdapat mekanisme pengurusan keselamatan sempadan darat negara melalui Jawatankuasa dua hala antara Malaysia-Thailand dan Malaysia-Indonesia seperti *General Border Committee* (GBC) dan *High Level Committee* (HLC).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah jangka masa tertentu diperlukan untuk membaiki sekolah-sekolah daif, terutama di Sabah dan Sarawak kerana telah mengambil masa yang terlalu lama untuk diambil tindakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah di seluruh negara.

Perancangan dan tempoh masa bagi pembangunan semula bangunan daif di sekolah adalah tertakluk kepada beberapa faktor terutamanya ketersediaan tapak, skop yang dimuktamadkan, lokaliti tapak serta memenuhi keperluan dan syarat pihak berkuasa tempatan.

Bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar, pemantauan pelaksanaan projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah dilakukan oleh KPM melalui pelbagai platform seperti Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian, Mesyuarat Pemantauan Projek Daif Bersama Agensi Pelaksana, dan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peruntukan RM1 bilion Bagi Pembangunan Semula Sekolah Daif di Negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bermula tahun 2023 pelaksanaan projek termasuk projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah dengan kos RM50 juta dan ke bawah di Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUIING JELUING
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATO DR. NUIING JELUING minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bekalan makanan ruji seperti beras mencukupi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun jumlah pengeluaran padi hanya mampu menampung hampir 70 peratus keperluan penduduk, namun stok bekalan beras dalam negara adalah stabil dan mencukupi bagi menampung keperluan penduduk. Bagi memastikan bekalan makanan sentiasa terjamin, Kerajaan terus giat melaksanakan usaha/inisiatif antaranya ialah:

- i. Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan melalui pengenalan kepada varieti benih baharu seperti varieti baharu yang dapat meningkatkan hasil dan rintang (tahan) kepada penyakit;
- ii. Mengalakkan penggunaan benih padi sah di mana sebanyak RM75 juta diperuntukkan setiap tahun bagi memastikan benih padi berkualiti dibekalkan kepada pesawah;
- iii. Meningkatkan kecekapan penggunaan input pertanian bagi memastikan peningkatan produktiviti tanaman padi seperti meningkatkan kesuburan tanah melalui soil profiling;

- iv. Pemantapan sistem pengembangan pertanian dan pengairan seperti pakej teknologi peningkatan hasil, pengurusan perosak bersepadu, penggunaan sistem teknologi maklumat (ICT) dan aplikasi mudah alih dalam menjalankan pemantauan aktiviti pertanian.
- v. Menggalakkan pembekalan baja kimia mengikut keperluan tanah sawah dan menggalakkan penggunaan baja organik daripada sumber tempatan bagi tujuan perawatan tanah.
- vi. Melaksanakan program penanaman padi 5 musim dalam tempoh 2 tahun. Program rintis sedang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dengan keluasan 240 hektar, Jabatan Pertanian (DOA) Kedah dengan keluasan 110 hektar dan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dengan keluasan 168 hektar.
- vii. KPKM akan melancarkan program Lestari 5 yang mana inisiatif ini menyasarkan peningkatan pendapatan pesawah menerusi peningkatan hasil pengeluaran padi sebanyak 5 tan metrik per hektar.
- viii. Mengalakkan pesawah mengurus tanaman padi secara sistematik melalui penyertaan dalam program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB). Program SMART SBB telah dilaksanakan secara rintis di Negeri Sembilan dengan melibatkan penanaman padi di kawasan luar jelapang seluas 120 hektar di daerah Jempol. Dengan kekurangan infrastruktur pengairan dan saliran selain ketiadaan sumber air yang tetap, program tersebut masih mampu

NO SOALAN: 48

mencatatkan peningkatan sebanyak 400 peratus iaitu daripada 1.12 tan metrik per hektar kepada 5 metrik tan per hektar di bawah seliaan salah sebuah Syarikat Peneraju SMART SBB iaitu Kilang Beras Rakyat Sekinchan.

Dengan usaha yang telah dilaksanakan dan dirangka oleh Kerajaan ini, diharap pengeluaran beras dan pendapatan pesawah dapat ditingkatkan seterusnya dapat meningkatkan tahap sara diri beras (SSL) negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapakah seorang graduan tamat diploma di Malaysia memerlukan masa dua tahun untuk melanjutkan pelajaran ke tahap ijazah, sedangkan di United Kingdom hanya memerlukan masa satu tahun sahaja. Apakah perbezaan sistem diploma antara dua negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah menyediakan kerangka *Malaysian Qualification Framework* (MQF) yang memperincikan kredit bergraduasi bagi setiap tahap pengajian daripada peringkat sijil hingga ke peringkat doktor falsafah.
2. Sistem penawaran program Diploma (Tahap 4 MQF) di Malaysia memerlukan tempoh minimum pengajian selama 2 tahun dengan minimum kredit bergraduasi sebanyak 90 kredit, manakala tempoh minimum pengajian program Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) adalah 3 tahun dengan minimum kredit sebanyak 120 kredit.
3. Dari segi kelayakan masuk minimum ke program Diploma, syarat yang diperlukan adalah Lulus SPM atau yang setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam 3 mata pelajaran. Manakala kelayakan masuk minimum ke program Sarjana Muda memerlukan syarat Lulus STPM atau yang setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam 2 mata pelajaran.
4. MQA telah menyediakan dasar pindah kredit dalam memastikan graduan Diploma (Tahap 4 MQF) mendapat kelebihan dari segi penjimatan masa dan tempoh pengajian semasa menyambung pengajian di peringkat Sarjana Muda.

5. Proses artikulasi ini dilaksanakan oleh universiti awam dan swasta di Malaysia dalam memastikan graduan Diploma (Tahap 4 MQF) mendapat pemindahan dan pengecualian kredit (CTCE) sehingga 50% seperti yang ditetapkan MQA.
6. Pindah kredit boleh dilakukan secara **vertical** iaitu pemindahan kredit daripada peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi dengan syarat yang ditetapkan ini dipenuhi iaitu:
 - i. Gred lulus - gred minimum iaitu gred C;
 - ii. Nilai kredit - sama dengan nilai kredit kursus bagi program di PPT penerima;
 - iii. Kesetaraan kurikulum kursus - tidak kurang 80%; dan
 - iv. Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi (termasuk akreditasi sementara)/ Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.
7. Ini amat berbeza dengan sistem kelayakan di United Kingdom (UK) kerana terdapat *Higher National Diploma* (HND) dan *Diploma of Higher Education* (DHE) dalam Sistem Pendidikan Tinggi UK.
8. Dari segi kelayakan masuk, kedua-dua bentuk Diploma di UK mensyaratkan kelayakan masuk dengan menggunakan A-Level atau setaraf. Untuk makluman, kelayakan A-Level adalah setaraf dengan STPM di Malaysia.

NO SOALAN: 49

9. Amalan di UK, program Diploma telah dibangunkan agar boleh disetarakan pada tahun 1 dan 2 program Sarjana Muda di UK. Secara lazimnya pelajar akan ke tahun 3 program Sarjana Muda di UK.

10. Justeru itu, sememangnya terdapat perbezaan antara penawaran program Diploma di Malaysia dengan Diploma di UK dari aspek kelayakan masuk dan pindah kredit kepada program-program yang terbabit.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 5 APRIL 2023

TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan berapakah statistik pengguna terkini *TikTok*, *Facebook* dan *Twitter* yang disekat akaunnya dan apakah pendirian Kerajaan berkenaan hak bersuara demokrasi rakyat khususnya penyokong Perikatan Nasional semakin disekat kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) sentiasa memastikan isu penyalahgunaan media sosial dapat dibendung demi kestabilan dan kesejahteraan rakyat. Pelbagai dasar telah dibentuk oleh Kerajaan bagi mengimbangi permasalahan media sosial yang dihadapi dan dalam masa yang sama untuk melindungi kebebasan, hak dan privasi rakyat Malaysia.

Dari tahun 2021 sehingga Januari 2023, KKD melalui SKMM dengan kerjasama pihak platform media sosial telah menurunkan sejumlah 947 kandungan di platform *TikTok*, *Facebook* dan *Twitter* yang melanggar kesalahan piawaian komuniti yang ditetapkan oleh pihak platform media sosial serta perlakuan kesalahan di bawah peruntukan undang-undang sedia ada.

Tindakan-tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Kerajaan adalah berpaksikan peruntukan undang-undang sedia ada tanpa mengira pangkat dan fahaman politik, serta berdasarkan aduan daripada masyarakat awam dan pihak yang terkesan tanpa adanya unsur berat sebelah.

NO SOALAN: 50

KKD berpendirian bahawa setiap individu mempunyai kebebasan bersuara untuk menyatakan pendapat dan kritikan, namun haruslah sentiasa berpegang kepada peruntukan undang-undang dan tidak melanggar norma budaya masyarakat di negara ini. Kebebasan bersuara tidak membawa maksud seseorang itu boleh membuat tohmahan, fitnah, mengeluarkan kata-kata kesat atau kebencian terhadap institusi diraja mahupun memperlekehkan agama atau berbaur perkauman.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI
BIN MOHAMAD
TARIKH : 5 APRIL 2023

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah kos yang dibelanjakan untuk pertukaran nama KLIA dan KLIA 2 kepada KLIA Terminal 1 dan KLIA Terminal 2.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 2 Februari 2023 telah bersetuju dengan cadangan supaya nama bagi Lapangan Terbang Antrabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan klia2 ditukar kepada KLIA Terminal 1 dan KLIA Terminal 2.
2. Dalam hubungan ini, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sedang dalam proses mengenalpasti semua inventori termasuk kos-kos yang terlibat bagi maksud penukaran nama tersebut. Pelaksanaan penukaran nama ini akan dilaksanakan secara berperingkat dengan keutamaan kepada lokasi-lokasi utama.
3. Segala kos berkaitan akan ditanggung sepenuhnya oleh MAHB dan tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memudahkan rakyat mendapat perkhidmatan pembantu rumah memandangkan kos yang semakin meningkat dan sejauh manakah sekatan terhadap pembantu rumah warga asing masih diteruskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sedia maklum akan keperluan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan pembantu rumah asing di kala kos pengambilan yang semakin meningkat. Atas dasar keprihatinan Kerajaan, Kementerian Sumber Manusia sedang berusaha mengambil langkah-langkah bagi membantu rakyat mendapatkan perkhidmatan pembantu rumah dengan kos pengambilan yang lebih rendah antaranya:

- i. Kementerian Sumber Manusia sedang meneroka untuk menambah negara sumber baharu yang bersedia untuk membekal pekerja domestik asing untuk pasaran buruh tempatan. Negara-negara yang dikenal pasti berpotensi untuk membekalkan pekerja domestik asing ke Malaysia adalah Bangladesh, Sri Lanka, Nepal, Laos dan Timor-Leste. Langkah ini boleh mengurangkan kebergantungan yang tinggi negara ini terhadap negara sumber tradisi seperti Republik Indonesia dan Filipina.
- ii. Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk melaksanakan 'projek rintis' pengambilan pekerja domestik asing dari Bangladesh, Nepal dan Sri Lanka. Projek rintis ini akan dilaksanakan secara dengan izin '*government-to-government arrangement*' tanpa penglibatan agensi pekerjaan swasta atau ejen di negara sumber dan di Malaysia. Pelaksanaan projek rintis ini dijangka dapat memenuhi permintaan rakyat tempatan yang memerlukan

khidmat pembantu rumah dengan kos pengambilan yang lebih rendah berbanding negara sumber tradisi seperti Indonesia dan Filipina serta tanpa melalui karenah birokrasi yang rumit.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pengambilan pekerja domestik berjalan seperti biasa dan yang terkini Kerajaan telah menandatangani Memorandum Persefahaman pengambilan pekerja domestik dengan Kerajaan Kemboja pada **27 Mac 2023**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI IDRIS
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK NORAINI IDRIS minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dilaksanakan bagi mengurangkan jurang kerugian yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan akibat lebihan perolehan vaksin COVID-19 pelbagai jenama yang sudah dikenal pasti melewati tarikh luput penggunaan.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Antara tindakan yang telah dilaksanakan KKM bagi mengurangkan jurang kerugian adalah dengan menggalakkan lebih ramai penduduk Malaysia mengambil dos penggalak seperti berikut:
 - i. Memudahkan proses membuat janji temu, yang mana pelanggan boleh membuat tempahan janji temu melalui aplikasi MySejahtera dan bebas memilih tarikh, masa, PPV dan jenis vaksin yang dikehendaki;
 - ii. Menawarkan perkhidmatan vaksinasi dos penggalak secara terus tanpa janji temu (*walk-in*) kepada golongan berisiko tinggi di semua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) seluruh negara;
 - iii. Melaksanakan pemberian dos penggalak secara oportunistik iaitu Klinik kesihatan, hospital dan klinik swasta yang telah beroperasi sebagai PPV;
 - iv. Menawarkan pemberian dos penggalak secara *heterologous* iaitu individu boleh menerima dos penggalak kedua daripada vaksin yang berlainan jenis dengan dos sebelumnya (dos primer atau dos penggalak pertama) sekiranya tiada kontraindikasi. Namun begitu vaksin Comirnaty (Pfizer) masih merupakan pilihan utama sebagaimana saranan pakar dalam TWG;

- v. Melaksanakan polisi vial terbuka (*open vial*) di semua PPV. Oleh itu PPV boleh memberikan vaksin tanpa mengumpulkan pelanggan bagi memenuhi kuota satu (1) vial vaksin. Contohnya tidak perlu menunggu enam pelanggan untuk membuka satu vial vaksin jenis Comirnaty;

- vi Meningkatkan hebahan melalui media sosial, media arus perdana dan hebahan kawasan setempat. Pelbagai program seperti slot media / radio, ceramah dan webinar telah dilaksanakan. Mesej berkenaan dos penggalak juga telah dihasilkan dalam bentuk infografik, FAQ dan video dalam pelbagai bahasa. Bahan-bahan ini telah dimuat naik di laman web KKM dan media sosial KKM; dan

- vii. Pelaporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) secara berkala dalam laman web Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bagi memberi maklumat sebenar kejadian AEFI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEE KOK
CHEE
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah rancangan yang diambil oleh Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong melawat ke Malaysia.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi secara lebih giat di peringkat domestik mahupun antarabangsa, iaitu dengan mengadakan kolaborasi dengan agen pelancongan, syarikat penerbangan, pihak berkepentingan dan pengusaha industri berkaitan untuk menarik pelawat asing memilih Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk percutian dan pelancongan. Di antara inisiatif yang telah, sedang dan akan dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Menjalin hubungan yang baik dengan media tempatan dan media antarabangsa yang telah dikenalpasti dengan memberikan maklumat terkini berkaitan produk/program, kemudahan dan perkhidmatan pelancongan yang ditawarkan oleh Malaysia;
- ii. Penyertaan Tourism Malaysia di pameran pelancongan utama di peringkat domestik dan antarabangsa seperti MATTA Fair, MITA Tourism Fair, Internationale Tourismus Borse (ITB), Berlin dan World Travel Market (WTM) London, South Asia Travel & Tourism Exhibition, SATTE, New Delhi dan Arabian Travel Mart, Dubai, China International Travel

Mart (CITM), Shanghai, JATA Tourism Expo, Tokyo dan lain-lain pameran pelancongan yang berkaitan;

- iii. Mengadakan misi jualan dan pemasaran dengan menyediakan landasan pertemuan di antara penggiat industri tempatan dan luar negara bagi menjalinkan hubungan dan kerjasama rapat dalam menjalankan usahasama untuk mempertingkatkan pertumbuhan industri pelancongan negara;
- iv. Menyediakan kalendar acara (*Calender of events*) yang merangkumi program pelancongan yang diadakan sepanjang tahun (dengan memaksimumkan penggunaan teknologi digital, facebook, instagram dan lain-lain) yang akan diedarkan ke agensi pelancongan, pengusaha hotel, syarikat penerbangan domestik/antarabangsa, badan pelancongan negeri dan ke pejabat dalam/ luar negeri Tourism Malaysia;
- v. Pelaksanaan program *Mega Familirisation (MegaFam)* atau lawatan suaikenal dengan mempelawa khususnya pengusaha pelancongan antarabangsa melawat dan merasai sendiri pengalaman produk pelancongan yang dikenalpasti di Malaysia;
- vi. Bekerjasama dengan pihak pelancongan Negeri dan penggiat industri pelancongan tempatan bagi membangunkan pakej-pakej pelancongan yang menarik untuk ditawarkan kepada pemain-pemain industri pelancongan antarabangsa khususnya;

- vii. Meningkatkan inisiatif kerjasama bersama Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) dalam usaha menambah bilangan kekerapan dan juga penerbangan tempah khas ke Malaysia; dan
- viii. Mempromosikan aktiviti membeli-belah yang memberi tumpuan kepada pasaran pelancong mewah (*high-yield tourist*) dan pelancongan minat khas (*niche*) seperti MICE, ekopelancongan, pelayaran, *birding*, menyelam dan *wellness*, golf, *wedding*, *birdwatching*, *agro*, *adventure nature*, pelancongan kesihatan serta inap desa yang menarik sebagai pilihan kepada pelancong yang memilih Malaysia sebagai destinasi pelancong.

2. Pada tahun 2022, statistik ketibaan pelancong ke Malaysia adalah seramai 10.07 juta orang dan pada tahun 2023, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menyasarkan seramai 16.1 juta orang pelancong. Bagi merealisasikan pencapaian sasaran tahun 2023, Tourism Malaysia perlu giat dalam melaksanakan aktiviti promosi dan publisiti secara berterusan bagi memasarkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang popular.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JEFRIDIN BIN HAJI ATAN
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tahap keupayaan Kerajaan untuk mengesan mangsa sindiket penipuan pekerjaan yang masih terperangkap di negara seperti Thailand, Laos dan Myanmar serta apakah penyelesaian secara diplomatik yang dilaksanakan dengan negara terbabit untuk menyelamatkan mangsa.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD KADIR
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 3 Mac 2023, Kementerian Luar Negeri (KLN) melalui Kedutaan-Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok (Thailand), Vientiane (Laos) dan Yangon (Myanmar) telah menerima sejumlah 294 laporan mengenai warganegara Malaysia yang menjadi mangsa sindiket jenayah penipuan tawaran pekerjaan di negara-negara tersebut. Daripada jumlah tersebut, seramai 156 orang telah berjaya diselamatkan, dengan 134 orang telah dihantar pulang ke tanah air. Baki seramai 22 orang yang lain sedang ditahan di depoh tahanan sementara menunggu proses penghantaran pulang, manakala 138 orang lagi masih sedang dikesan.

3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri melalui Perwakilan Malaysia di negara berkenaan sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa negara tuan rumah dalam usaha mengesan serta menyelamatkan warganegara Malaysia yang menjadi mangsa sindiket jenayah penipuan tawaran pekerjaan di sana. Tindakan-tindakan yang

telah diambil termasuk menyampaikan maklumat keberadaan terkini para mangsa kepada pihak berkuasa negara tuan rumah, menguruskan proses dokumentasi dan mengendalikan urusan penghantaran pulang mangsa warganegara Malaysia ke tanah air.

4. Buat masa ini, Perwakilan-Perwakilan Malaysia yang terlibat telah menerima kerjasama baik daripada pihak berkuasa negara tuan rumah dalam mengesan dan menyelamatkan para mangsa. Kementerian ini juga ingin menekankan bahawa Kerajaan Malaysia perlu menghormati sistem perundangan di negara tuan rumah dan operasi mengesan dan menyelamatkan adalah dikendalikan sepenuhnya oleh pihak berkuasa negara yang berkenaan, dan banyak faktor perlu diambil kira terutamanya keselamatan mangsa dalam operasi sedemikian.

5. Selain pendekatan yang diambil oleh pihak Perwakilan Malaysia di luar, Kementerian ini juga mengambil pendekatan yang sama di Malaysia, dengan mengadakan pertemuan bersama Perwakilan-Perwakilan asing yang berkenaan di Kuala Lumpur serta memohon kerjasama Kerajaan mereka dalam menyelamatkan para mangsa warganegara Malaysia yang terbabit. Dalam masa yang sama, KLN dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengadakan lawatan kerja ke negara-negara berkenaan untuk mengeratkan lagi hubungan kerja di antara kedua-dua pihak berkuasa, selain membolehkan perkongsian maklumat yang berterusan dalam menangani isu ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah OKU yang telah mendapat manfaat menerusi program Penjana Kerjaya, Hire Malaysia dan sebagainya serta nyatakan peruntukan secara terperinci yang digunakan bagi pengambilan OKU dalam sektor pekerjaan daripada program-program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia sebagai peneraju utama dalam menawarkan peluang pekerjaan dan kemahiran di kalangan OKU. Kerajaan tidak pernah sesekali meminggirkan golongan OKU, malah sentiasa mengiktiraf peranan dan kepentingan mereka terutama dalam sektor pekerjaan dan akan sentiasa komited dalam usaha membantu rakyat termasuk Orang Kurang Upaya mendapatkan pekerjaan serta memastikan kadar pengangguran di Malaysia adalah terkawal.

2. KSM melalui Jawatankuasa Pekerjaan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya, telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan program dan aktiviti penawaran peluang pekerjaan kepada OKU, memurnikan pelan tindakan Ahli-ahli Jawatankuasa bagi pelaksanaan program/aktiviti dan peluang pekerjaan kepada OKU dan membantu meningkatkan penempatan OKU di Sektor Awam dan Swasta secara lebih komprehensif dan sistematik. Kerajaan telah menetapkan dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU di mana setiap agensi hendaklah memastikan pengambilan OKU dibuat sekurang-kurangnya satu peratus daripada jumlah pegawai dalam agensi tersebut. Dasar ini diperluas meliputi pelantikan secara tetap, sementara, kontrak atau apa-apa kaedah pelantikan yang berkuat kuasa.

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, MYFutureJobs mulai pada tahun 2020 sehingga 31 Januari 2023, seramai **20,703** pencari kerja di bawah kategori Orang Kurang Upaya telah berdaftar dengan portal ini dan seramai **4,439 pekerja** Orang Kurang Upaya telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan.

4. Selain itu, Kementerian menerusi PERKESO turut melaksanakan Karnival Pekerjaan kepada golongan Orang Kurang Upaya. Sepanjang tahun 2022, terdapat **61** program temu duga khas bagi golongan Orang Kurang Upaya diadakan di seluruh Malaysia dengan jumlah kehadiran keseluruhan seramai **1,677**. Daripada jumlah tersebut, **416** Orang Kurang Upaya telah berjaya mendapat pekerjaan. Manakala seramai **566** Orang Kurang Upaya telah berjaya untuk ke sesi temu duga kedua.

5. Disamping itu, sebagai sokongan kepada golongan pencarum PERKESO yang hilang upaya untuk kembali bekerja, PERKESO melaksanakan Program *Return To Work* yang menggunakan pendekatan proaktif bagi membantu pekerja yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan atau penyakit untuk berdikari dan bergiat semula dalam dunia pekerjaan dengan selamat dan produktif. Program *Return To Work* yang diperkenalkan pada tahun 2007 telah memberi impak yang sangat positif kepada pencarum PERKESO yang menyertainya. Berdasarkan statistik, setakat 28 Februari 2023, seramai **54,945** orang peserta telah berjaya dibantu untuk kembali semula ke alam pekerjaan.

4. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia, di bawah Bajet 2023, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif Program Pasaran Buruh Aktif yang boleh dimanfaatkan oleh golongan Orang Kurang Upaya iaitu Pelanjutan Insentif Penggajian Secara Bersasar menerusi Program Daya Kerjaya yang membabitkan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasar daripada kalangan belia yang lama menganggur dan golongan rentan seperti orang asli, wanita, Orang Kurang Upaya, miskin tegar, individu diparol, bekas banduan dan sebagainya. **Program Daya Kerjaya** dijangka akan memberi manfaat kepada **40 ribu orang dengan insentif RM 600 sebulan** selama tiga bulan untuk majikan yang mengambil pekerja dari kumpulan sasar ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG
TARIKH : 5 APRIL 2023

DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah perbincangan yang diadakan di antara Kementerian dan Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai isu penambahbaikan jawatan untuk doktor dan jururawat yang masih tidak teratur dan tidak memberi laluan kerjaya kepada kakitangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa melaksanakan sesi libat urus, mesyuarat dan perbincangan dengan Agensi Pusat termasuk melibatkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi urusan sumber manusia termasuk isu perjawatan KKM. Pada masa yang sama, KKM perlu mematuhi dasar-dasar semasa berkaitan perjawatan iaitu “Dasar Pengoptimuman Sumber Manusia dalam Perkhidmatan Awam” dan “Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam”.
2. Kerajaan telah memberikan keutamaan kepada sektor kesihatan dalam pemberian jawatan pelbagai skim perkhidmatan termasuk Pegawai Perubatan di KKM bagi fasiliti baharu dan naik taraf. KKM telah menerima peningkatan perjawatan dan bilangan anggota yang turut disokong oleh anggota lantikan kontrak pelbagai skim di KKM. Kerajaan pada 19 Januari 2022 juga telah memutuskan pewujudan jawatan baharu sebanyak 1,500 perjawatan bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi pada tahun 2023 hingga 2025. Selain itu, KKM juga telah memohon kepada Agensi Pusat bagi pewujudan jawatan tambahan secara berfasa melibatkan pelbagai skim perkhidmatan termasuk Jururawat bagi fasiliti sedia ada KKM untuk tahun 2023 hingga 2025.

3. Sehingga 31 Januari 2023, seramai 55,200 Pegawai Perubatan yang terdiri daripada 7,025 Pakar Perubatan dan 48,175 Pegawai Perubatan serta 69,501 Jururawat yang berkhidmat di KKM. Pelaksanaan pelantikan tetap di KKM bagi pelbagai skim perkhidmatan di KKM termasuk bagi Pegawai Perubatan dan Jururawat dari semasa ke semasa berdasarkan kekosongan jawatan dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan.
4. Pada tahun ini, KKM akan melaksanakan pelantikan tetap seramai 4,263 Pegawai Perubatan yang dijadual akan selesai pada bulan Julai 2023. Bagi Jururawat pula, KKM sedang melaksanakan urusan pelantikan tetap secara berfasa melibatkan 2,336 Jururawat kontrak lantikan swasta iaitu graduan kejururawatan keluaran institusi latihan selain Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) yang mula berkhidmat di KKM sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Bagi fasa pertama, seramai 620 orang telah dilantik untuk mengisi jawatan tetap dan selebihnya akan dilaksanakan secara berfasa sehingga Disember 2023.
5. Pada masa ini laluan kerjaya Pegawai Perubatan lantikan tetap perkhidmatan awam adalah berdasarkan *time-based* (dengan izin). Tempoh kenaikan pangkat dari UD41 ke UD54 adalah 12 tahun bagi pegawai perubatan bukan pakar dan 9 tahun bagi pegawai perubatan pakar tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

6. Pegawai perubatan pakar layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred UD56 setelah berkhidmat 5 tahun di gred UD54 dan telah diwartakan pakar selama 5 tahun. Kenaikan pangkat ke gred 56 hanya diperuntukkan kepada pegawai perubatan pakar dan pegawai pergigian pakar sahaja.
7. Bagi skim Jururawat pula, laluan kerjaya yang disediakan adalah pemangkuan dari gred U29 hingga gred U42 bagi Kumpulan Pelaksana dan gred U41 hingga gred U54 bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional, tertakluk kepada kekosongan jawatan semasa dan syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan.
8. Selain itu, bagi Kumpulan Pelaksana, pegawai juga diperuntukkan kaedah Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* (dengan izin) Berasaskan Kecemerlangan (TBK) Kali Pertama ke gred U32 dan TBK Kali Kedua ke gred U36 setelah pegawai genap tempoh 13 tahun perkhidmatan yang boleh diambil kira.
9. Bagi tujuan penambahbaikan laluan kerjaya skim Jururawat, beberapa sesi libat urus telah dibuat dengan pihak Profesion dan Program yang turut mengambil kira keperluan pewujudan jawatan fleksi dan kenaikan pangkat secara *time-based* (dengan izin) berdasarkan kemahiran tinggi, *niche area* (dengan izin) dan keperluan perkhidmatan kepakaran di KKM.

Sekian, terima kasih.